

KONSERVASI KOLEKSI:

**FUNGSI PEMASARAN PAMERAN TERHADAP
KOLEKSI DI MUZIUM DIRAJA NEGERI KEDAH
DARUL AMAN.**

NOR AMIRA BINTI SHAROM

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**FUNGSI PEMASARAN PAMERAN TERHADAP
KOLEKSI DI MUZIUM DIRAJA NEGERI KEDAH
DARUL AMAN.**

Oleh

NOR AMIRA BINTI SHAROM

Laporan ini dihantar bagi memenuhi kehendak

Ijazah Sarjana Muda

Pengajian Warisan dengan Kepujian

Falkuti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

noramira

(Tanda tangan pelajar)

(Tanda tangan penyelia)

Tarikh: 19/2/2022

Nama :

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Allah S.W.T di atas limpah kurnia-Nya saya dapat menjalankan Projek Penyelidikan dan menyiapkan laporan akhir ini dengan jayanya. Pertama sekali saya ingin menyampaikan penghargaan kepada Penyelia saya iaitu, Pn. Nur Athmar binti Hashim di atas segala ilmu, bimbingan, tunjuk ajar serta nasihat yang telah diberikan sepanjang menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga kepada semua tenaga pengajar yang telah mencurahkan ilmu sepanjang pengajian saya di UMK.

Penghargaan ini juga saya ingin tujukan kepada semua pihak yang mana terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini, termasuk responden, serta staf Muzium Di Raja Negeri Kedah.


Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Sharom bin Abdullah serta Norma binti Mad yang selama ini telah mendukung dan mendoakan ke atas kejayaan saya. Serta tidak lupa juga kepada adik serta kakak saya yang sentiasa menjadi pendengar dalam menyelesaikan masalah. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang selama ini telah banyak berkongsi maklumat di antara satu sama lain. Setiap pengorbanan dan bantuan yang dihulurkan akan diingati sampai bila-bila.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang pernah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan laporan ini. Saya juga berharap laporan ini akan disediakan


dengan jayanya dan menyumbangkan sedikit sebanyak ilmu dan dapat digunakan oleh sesiapa sahaja yang memerlukan.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	viii
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Muzium Diraja	1
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Permasalahan Kajian	6
1.6 Lokasi Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.7.1 Individu	9
1.7.2 Masyarakat	10
1.7.3 Institusi Pengajian	11
1.7.4 Pelancongan	11
1.8 Skop Kajian	12

1.9 Struktur Tesis	13
1.9.1 Bab 1 Pengenalan	13
1.9.2 Bab 2 Fungsi Pemasaran Pameran	13
1.9.3 Bab 3 Metodologi Kajian	14
1.9.4 Bab 4. Analisi Data	14
1.9.5 Bab 5 Kesimpulan	15
1.10 Rumusan Bab	15
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Definisi Muzium	18
2.3 Pelan Strategik pemasaran dengan promosi	20
2.4. Definisi Jenis Pemasaran Campuran 4Ps	22
2.5 Fungsi dan Peranan Muzium	24
2.5.1 Fungsi Kepada Pelajar	27
2.5.2 Fungsi Kepada Pengunjung di Malaysia	30
2.5.3 Fungsi Kepada Pelancong Antarabangsa	32
2.6 Kepentingan Pemeliharaan Koleksi dalam aspek ekonomi	33
2.7 Kepentingan Muzium dalam Sektor Perlancongan	35
2.8 Rumusan Bab	37
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	39
3.2 Reka Bentuk Kajian	42

3.3 Kaedah Kajian	45
3.3.1 Kaedah Pemerhatian	45
3.3.2 Kaedah Temubual	47
3.3.3 Kaedah Perpustakaan	49
3.4 Persampelan Kajian	50
3.4.1 Sumber Sekunder	51
3.4.2 Sumber Primer	52
3.5 Instrumen Kajian	53
3.5.1 Kamera	53
3.5.2 Catatan	54
3.6 Analisi Data	6
3.7 Rumusan Bab	57

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	58
4.2 Pelan Strategi Pemasaran	59
4.2.1 Statistik Jumlah Pelawat Muzium Diraja Negeri Kedah pada bulan Ogos hingga Disember 2008	62
4.2.1.1 Produk	69
4.2.1.2 Harga	73
4.2.1.3 Tempat	74
4.2.1.4 Promosi	82

4.3 Jenis Pemasaran pameran yang dijalankan terhadap Koleksi di Muzium Di Raja Negeri Kedah	86
4.4 Kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat Mengenai Fungsi Muzium Diraja Negeri Kedah	88
4.5 Kesimpulan	94
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pendahuluan	96
5.2 Rumusan Kajian	96
5.3 Cadangan Kajian	98
5.3.1 Cadangan Penambakaan	99
5.3.2 Cadangan Kajian Lanjutan	99
5.3.3 Menggunakan Kaedah Scan bar cod untuk mengetahui maklumat	101
5.3.4 Cadangan Keusahawanan	102
5.3.5 Cadangan kepada pengunjung akan datang	103
5.4 Penutup	103
Rujukan	105
Glosari	110
Indeks	111
Carta Ganti Projek Penyelidikan	112
Lampiran	113

SENARAI RUJUKAN

NO.		MUKA SURAT
	Rajah 1.1: Peta Lokasi Kajian	8
	Rajah 3.2: Carta Alir Metodologi Kajian	44
	Rajah 3.3: Survei Kajian Lapangan	47
	Rajah 3.4 Survei kajian lapangan melalui temubual	48
	Rajah 3.5 Persampelan Dapatan Kajian	51
	Rajah 3.6 Survei Kajian Lapangan melalui Kaedah Catatan	55
	Rajah 3.7 Kaedah analisis Data	56
	Rajah 4.1 Pemasaran 4ps (Marketing Mix 4Ps)	61
	Rajah 4.2 Jadual Statistik Jumlah Pelawat	62
	Rajah 4.3 Carta Pai Survei Kajian Lapangan Pada bulan Ogos	63
	Rajah 4.4 Carta Pai Survei Kajian Lapangan Pada bulan September	64
	Rajah 4.5 Carta Pai Survei Kajian Lapangan Pada bulan Oktober	65
	Rajah 4.6 Carta Pai Survei Kajian Lapangan Pada bulan November	66
	Rajah 4.7 Carta Pai Survei Kajian Lapangan Pada bulan Disember	67
	Rajah 4.8 Carta Jumlah Keseluruhan Pelawat	68
	Rajah 4.9 Koleksi Tembaga, Perak dan gangsa yang dipamerkan	71
	Rajah 4.10 Tembikar yang telah Dipamerkan di Muzium Diraja Negeri Kedah	72
	Rajah 4.11 Jadual Kadar umur dan Harga	73
	Rajah 12 Lakaran ruangan pelan lantai mengenai Jenis Koleksi yang dipamerkan	76
	Rajah 4.13 Merupakan pemandang bilik beradu pengantin	78

Rajah 4.14 Menunjukkan ruang pameran koleksi Perak, tembaga dan gangsa serta kerusi meja milik kerabat Diraja Kedah	79
Rajah 4.15 Menunjukkan replika pelamin perkahwinan 1904	80
Rajah 4.16 Songket Sultan Abdul Hamid Halim Shah	81
Rajah 4.17 Menunjukkan promosi yang dijalankan di Muzium Di Raja Kedah	83
Rajah 4.18 Aliran proses penjanaan ilmu melalui Pendidikan Muzium	84

KONSERVASI KOLEKSI:

FUNGSI PEMASARAN PAMERAN TERHADAP KOLEKSI DI MUZIUM DIRAJA NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

ABSTRAK

Istana merupakan sebuah tempat atau institusi yang telah menyimpan pelbagai artifak. Muzium juga merupakan suatu tempat menyimpan segala peralatan kesenian, serta warisan dan segala adat resam pada masa dahulu seperti pakaian diraja, manuskrip, senjata yang mempunyai kualiti yang sangat tinggi sehingga menjadi rujukan sehingga hari ini. Dalam kajian ini pengkaji menyatakan tiga objektif kajian yang hendak dikaji. Kertas kerja ini juga akan menjelaskan fungsi pemasaran pameran yang dijalankan di Muzium Diraja Negeri Kedah. Selain itu pengkaji turut menjelaskan jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi serta melihat bagaimana setiap koleksi tersebut mempunyai fungsi kepada pelawat yang menjalankan aktiviti lawatan di Muzium Diraja Kedah. Penggunaan kaedah metodologi dalam kajian ini sangat memudahkan pengkaji dalam memperolehi maklumat yang berkaitan. Kajian ini diharap dapat membantu memartabatkan institusi Muzium Diraja di samping dapat meningkatkan pelancongan asing di Malaysia.

Kata Kunci: Istana, Artifak Muzium, Manuskrip, Muzium Diraja Kedah

COLLECTION CONSERVATION:

THE EXHIBITION MARKETING FUNCTION OF THE COLLECTION AT THE KEDAH DARUL AMAN STATE ROYAL MUSEUM.

ABSTRACT

A palace is a place or institution that has stored various artifacts. The museum is also a place to store all the arts, heritage and all the local customs such as royal attire, manuscripts, weapons that have a very high quality that is a reference to this day. In this study, the researcher stated three objectives of the study to be studied. This paper will also explain the marketing function of the exhibition conducted at the Kedah State Royal Museum. Apart from that, the researcher also explained the type of exhibition marketing carried out on the collection and saw how each collection has a function for visitors who carry out visit activities at the Royal Kedah Museum. The use of methodological methods in this study greatly facilitates the researcher in obtaining relevant information. It is hoped that this study can help elevate the institution of the Royal Museum as well as enhance cultural heritage, especially in Malaysia

Keywords: *Palaces, Manuscripts, Institutions, Royal Kedah Museum*

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menerangkan serba sedikit berkaitan dengan latar belakang kajian yang dijalankan oleh pengkaji mengenai fungsi pemasaran pameran terhadap koleksi di muzium diraja negeri kedah darul aman. Antara bahagian yang akan dijelaskan adalah beberapa subtopik yang mana ia mempunyai kaitan dengan kajian terdahulu, seperti persoalan, latar belakang, objektif kajian, permasalahan kajian, lokasi kajian, kepentingan kajian serta skop kajian. Bahagian ini sangat penting yang mana ia akan memberikan gambaran awal kepada pengkaji semasa proses awal untuk mendapatkan maklumat.

1.2 Latar belakang Muzium Di Raja

Muzium Diraja Negeri Kedah pada asalnya adalah sebuah istana Sultan Kedah yang dikenali sebagai Istana Kota Setar. Manakala, bangunan ini pula dibina oleh Almarhum Sultan Muhammad Jiwa pada tahun 1736. Selepas menjalankan beberapa adat istiadat perkahwinan diraja, istana ini telah dikenali sebagai Istana Pelamin. Selain itu juga, Istana ini juga telah menjadi tempat kediaman keluarga diraja Kedah

serta menjadi pusat untuk mendakan upacara-upacara ataupun majlis beradat seperti perkahwinan dan juga istiadat berkhatan putera-putera serta kerabat diraja DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Selain itu juga, Istana pelamin telah dibina pada 1732 sewaktu pemerintahan Y.A.M. Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah, yang telah memerintah Kedah yang kali ke-19 iaitu dalam sekitar tahun 1710-1778. Istana ini telah mendapat nama sebagai "Istana Pelamin" disebabkan berlangsungnya istiadat perkahwinan Diraja yang telah berlaku pada tahun 1904 yang mana terdapat perkahwinan lima putera dan puteri Almarhum Sultan Abdul hamid. Hal ini kerana, Istana Pelamin telah dijadikan sebagai Muzium Di raja Kedah pada hari dan dibuka untuk orang ramai pada tahun 1983. Pelbagai cabaran yang telah berlaku terhadap penubuhan Istana Pelamin sejak berlakunya kerosakan yang telah dilakukan oleh orang Bugis pada tahun 1770, dan juga telah terbiar semasa pendudukan siam dari tahun 1821 hingga tahun melalui penulisan Rahimah Mat 2012. Namun pada tahun 1851 Istana Pelamin telah melakukan aktiviti penambahbaikan oleh Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Muzium Negeri Kedah adalah bekas Istana Kota Setar, yang merupakan pusat pemerintahan baginda Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin Shah II. Bangunan Muzium Negeri Kedah dibina pada tahun 1736 dan memaparkan adunan kesenian Melayu dan kesenian pengaruh Siam. Semasa pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, bangunan Muzium Negeri Kedah ini

juga dikenali sebagai Istana Pelamin kerana menjadi persada upacara perkahwinan diraja untuk beberapa kali. Muzium Negeri Kedah menyimpan pelbagai khazanah Kesultanan Kedah dan pusaka kebudayaan negeri Kedah Darul Aman.

Istana ini telah menempuh pelbagai kisah suka dan duka. Alor Setar berfungsi sebagai ibu negeri Kedah untuk satu tempoh yang panjang tanpa sebarang gangguan dan kekacauan sehinggalah pada tahun 1771, Menurut Rahimah Mat Bugis datang menyerang Kedah pada 2012. Tentera Bugis telah membakar istana dan balai penghadapan. Setelah melumpuhkan ibu kota, mereka meninggalkan negeri Kedah. Istana ini kemudiannya telah dibina semula mengikut rekabentuk asal. Pada masa ini dinding batu serta tiang batu telah dimulakan dalam pembinaan istana. Pada masa ini kilang membuat bata telah ada di Alor Setar. Pada masa itu, tukang mengikat bata dengan menggunakan kaedah mencapur putih telur itik dengan madu. 50 tahun kemudian iaitu pada tahun 1821, istana ini sekali lagi menerima kemusnahan tetapi kali ini diserang oleh tentera Siam. Mereka juga telah membakar istana sehingga mengalami kerosakan yang teruk. Jika dahulu tentera Bugis meninggalkan Kedah selepas menyerang Kedah tetapi tentera Siam menduduki negeri Kedah selama 21 tahun. Dalam tempoh dari tahun 1821-1842, istana ini dibiarkan tanpa penjagaan sehinggalah pada tahun 1856, istana serta balai penghadapan dibaiki semula oleh Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1853-1879) untuk menempatkan isteri baginda, Paduka Wan Hajar binti Wan Ismail,

kekanda kepada Wan Muhammad Saman, Perdana Menteri Kedah dan bonda kepada DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Wan Hajar juga terkenal dengan gelaran “Mak Wan Besar”, maka istana ini juga turut dikenali sebagai Istana Mak Wan Besar oleh penduduk sekitar.

Pada tahun 1882, Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943) menaiki takhta telah memilih untuk bersemayam di Istana Kota Setar ini. Pada 8 Februari 1903, Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra telah dilahirkan di Istana Tiga Tingkat atau “Rumah Pagoda” yang terletak di dalam kawasan kompleks istana yang dipanggil “Dalam Kota”. Istana Tiga Tingkat ini dibina oleh seorang tukang Cina yang tinggal di Alor Setar. “Rumah Pagoda” dirobohkan pada tahun 1912 untuk memberi laluan kepada pembinaan pejabat kerajaan yang dipanggil “Opis Dalam” (bangunan ini sekarang berada di dalam kawasan Wisma Negeri). Salah satu peristiwa yang paling tidak dilupakan oleh rakyat Kedah pada masa dahulu ialah perkahwinan pada tahun 1904.

1.3 Objektif kajian

Beberapa persoalan kajian akan dibincangkan bagi memenuhi Objektif kajian. Persoalan ini akan dihuraikan dengan lebih terperinci mengikut kepada permasalahan yang berlaku terhadap penjagaan koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah.

1.3.1 Mengenalpasti pelan strategik pemasaran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium

1.3.2 Menganalisis jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah

1.3.3 Mengetahui kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat mengenai Fungsi koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Negeri Kedah

1.4 Persoalan kajian

1.4.1 Bagaimanakah pelan strategi pemasaran pameran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium

1.4.2 Apakah jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah

1.4.3 Bagaimanakah kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat mengenai fungsi koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Negeri Kedah

1.5 Permasalahan Kajian

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa permasalahan yang berlaku terhadap Muzium Diraja Negeri Kedah. Berdasarkan hasil pemerhatian pengkaji mengenai kelemahan pelan dalam pengurusan strategik pemasaran bagi koleksi menyebabkan aktiviti melawat menjadi kurang juga kerana kurangnya kajian dan juga penyelidikan yang dijalankan mengenai kajian ini. Menurut, Gilmore et. al. (2002) menyimpulkan bahawa sesebuah muzium yang berjaya adalah dengan menggunakan teknik-teknik pemasaran dengan berkesan. Selain itu, rujukan yang tidak banyak ini menyebabkan masyarakat umum kurang pendedahan mengenai kajian ini. Hal ini telah menyebabkan sesuatu kelemahan itu berlaku di dalam institusi pemuziuman. Pendedahan yang kurang dari segi media elektronik dan media cetak menyebabkan mereka terpaksa pergi sendiri di kawasan tersebut untuk membuat kajian ini.

Selain itu, pengunjung tidak akan merasakan manfaat daripada kunjungan yang dilakukannya kerana, penulisan terhadap artifak kurang berkesan. Menurut, Anne Fahy, 1995 (Teknologi Baru untuk Komunikasi Muzium) mengatakan bahawa maklumat yang disampaikan tidak akan memberikan manfaat disebabkan oleh muzium itu sendiri tidak menjelaskan dengan baik. Bahan rujukan yang tidak banyak mengenai koleksi yang dipaparkan di Muzium telah menyebabkan kunjungan menjadi kurang. Rujukan yang tidak banyak mengenai tajuk ini telah menyebabkan


pengkaji terpaksa melihat sendiri keadaan yang berlaku di kawasan tersebut.

Permasalahan kajian yang dihadapi dalam projek penyelidikan ini adalah, kaedah pameran koleksi yang digunakan oleh pihak Muzium Di Raja Negeri Kedah masih lagi menggunakan kaedah konvensional iaitu dengan menggunakan media cetak mengenai sesuatu koleksi. Melalui penerangan dalam buku *Intergenerational Interaction* yang telah digunakan pakai oleh Rosenfeld telah menyatakan bahawa “*An exhibit may present a half-dozen option for interaction, but the visitor may choose only one or two. An exhibit case may contain dozens of artifacts, but most visitors will view only some of them and read just a few labels.*” Rosenfeld (2011) ada mengatakan bahawa semua berlaku bergantung kepada jenis persembahan kepada pengunjung dan bagaimana teknik itu dipersembahkan kepada pengunjung. Oleh itu, menyebabkan pengkaji memilih kaedah pameran koleksi muzium ini.

Akhir sekali, kaedah seperti ini tidak banyak didedahkan oleh pengkaji yang lain melalui kaedah penerangan yang diberikan oleh muzium terhadap sesuatu fungsi koleksi itu kerana kurang jelas dan sukar untuk difahami oleh pelawat. Menurut, McLean, 1997 fungsi muzium yang berhubungan langsung dengan pengunjung adalah fungsi pameran. Hal ini menunjukkan bahawa muzium itu sangat memainkan peranan penting dalam memberikan info mengenai koleksi bukan saja hanya memaparkan koleksi semata-mata tanpa huraian.

1.6 Lokasi Kajian

Kawasan kajian yang hendak dijalankan ini adalah bertempat di Muzium Diraja Negeri Kedah yang telah dijadikan sebagai lokasi kajian iaitu di dalam Rajah 1.1. Institusi muzium mempunyai pelbagai keistimewaan dari segi penyimpanan koleksi yang mempunyai sejarah dahulu kala serta melakukan proses konservasi. Di samping itu juga, muzium diraja ini telah menyimpan pelbagai artifak yang boleh dijadikan pameran terhadap para pengunjung yang datang melawat ke muzium Diraja. Antara kaedah yang telah digunakan dalam aktiviti melawat adalah dengan mempamerkan kesemua koleksi yang dimiliki bertujuan untuk meningkatkan aktiviti pemasaran di dalam pameran. Longitude dan Latitude bagi muzium ini adalah 6.1195° N, 100.3669° E



Rajah 1.1: Peta Kawasan kajian

Sumber: <https://www.google.com/maps/place/Kedah+Royal+Museum,+Alor+Setar/@6.1191912,100.3651859,17z/data=!4m5!3m4!1s0x304b44bea170c28d:0x74a174f544015fc7!8m2!3d6.1196318!4d100.3669699>

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini akan memberikan pendedahan kepada orang ramai mengenai betapa pentingnya dan manfaat penubuhan Muzium yang menyimpan sejarah. Kajian yang dilakukan ini akan mendapat faedah kepada semua orang kerana maklumat yang hendak disampaikan kepada orang ramai memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pengkaji itu sendiri. Selain itu juga, kaedah ini membantu orang ramai dalam menyelesaikan masalah yang mempunyai kaitan dengan kajian ini. Kajian ini telah dijalankan di Muzium Diraja Negeri Kedah dan dapat memberikan manfaat kepada semua pihak.

1.7.1 Individu

Kajian yang dijalankan ini dapat memberikan manfaat sepenuhnya terhadap individu kerana secara tidak langsung individu tersebut memperolehi idea dan maklumat yang hendak dicari yang mana ia mempunyai kaitan dengan tajuk ini. Menurut, Crompton & Mansfeld, P. U. (1997), kepelbagaian ini boleh berlaku di kedua-dua individu dan tahap analisis pengunjung mungkin mempunyai beberapa keperluan yang berbeza dengan keinginan untuk memuaskan melalui kunjungannya. Kajian ini juga membantu pelajar yang memerlukan tentang sejarah dan latar belakang mengenai Muzium Diraja ini. Hal ini dapat membuktikan bahawa pengkaji tersebut telah menjalankan kajian sepenuhnya untuk memperoleh data kerana pada tahap awal pengkaji sendiri tidak mengetahui tentang pembinaan yang telah

dilakukan pada zaman dahulu. Dalam masa yang sama, apabila kajian ini dilakukan, ia secara tidak langsung memberikan pendedahan kepada individu tentang kewujudan nilai bangunan bersejarah di kawasan ini. Muzium Diraja Negeri Kedah merupakan Istana Pelamin pada suatu ketika dahulu dan hal ini tidak dapat diketahui oleh orang awam jika mereka tidak membuat tinjauan terhadap Muzium tersebut. Oleh hal yang demikian, kajian yang dilakukan ini dapat dijadikan sebagai satu cabang ilmu yang luas serta berguna kepada orang ramai.

1.7.2 Masyarakat

Melalui kajian yang telah dijalankan berdasarkan kepada kepada Muzium Diraja Kedah ia membolehkan manfaat dijalankan dari segi ekonomi serta menambahkan pengetahuan umum kepada masyarakat berkenaan dengan kaedah pemasaran yang dilakukan terhadap koleksi yang mana ia bertujuan untuk meningkatkan pelawat datang ke Muzium. Secara tidak langsung, pameran yang dilakukan pada hari ini kurang memuaskan pelawat. Hal ini kerana, berkemungkinan koleksi itu tidak dapat dipegang dan merasai sendiri objek itu. Ada pula koleksi yang hanya diperbuat daripada tanah liat dan dijadikan sebagai replika sahaja. Keadaan ini menyebabkan faktor kurang pelawat datang Ke Muzium. Kesemua koleksi mempunyai nilai sejarah yang tinggi, ia dapat membantu dalam meningkatkan ekonomi terutamanya dari sektor pelancongan

1.7.3 Institusi Pengajian

Kajian ini memberikan kepentingan kepada pelajar yang ingin menjalankan kajian dengan mudah melalui beberapa maklumat yang telah dilakukan oleh pengkaji. Segala data yang telah dimasukkan akan sedikit sebanyak membantu pelajar lain dalam memperolehi maklumat. Menurut George E. Hein (1998), Pendidikan merupakan faktor yang sangat penting dalam fungsi muzium sejak pengiktirafan pembukaan muzium kepada orang awam. Manakala, maklumat yang hendak disampaikan itu perlulah jelas dan betul berdasarkan kepada kajian lapangan oleh pengkaji. Selain itu juga, ia boleh digunakan pada masa hadapan jika diperlukan oleh para pelajar dalam menjalankan kajian mereka

1.7.4 Pelancongan

Lokasi kajian ini merupakan kawasan pelancongan yang mana ia turut mengembangkan industri dalam meningkatkan ekonomi negara. Menurut, Leiper N. (1981), menerangkan bahawa pelancongan merupakan, "Suatu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas, elemen manusia iaitu pelancong". Sebelum aktiviti pelancongan dijalankan di kawasan tujuan pelancong perlu membuat kajian terdahulu mengenai tempat yang hendak dituju. Aktiviti pelancongan ini mempunyai banyak kategori seperti pelancong sambil belajar. Sebagai contohnya, apabila pelawat melawat muzium dan

mencatat nota maka ia boleh dikategorikan sebagai pelancongan sambil belajar dan banyak lagi.

1.8 Skop Kajian

Pengkaji telah menumpukan kawasan kajian di Muzium Diraja Negeri kedah yang beralamat Muzium Diraja, Medan Bandar, Jalan Raja Alor Setar, Kedah Darul Aman. Selain itu, Muzium Diraja ini dulunya mempunyai sejarah yang menarik dari segi pemerintahannya yang mana ia didirikan pada tahun 1735 sewaktu pembukaan Alor Setar sebagai pusat pentadbiran Negeri Kedah yang ke-8 dan nama-nama yang digunakan terhadap Muzium Diraja ini.

Manakala, dalam bab ini juga pengkaji akan menjelaskan pelan strategi pemasaran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium. Hal ini demikian kerana, strategi pemasaran sangat penting dalam meningkatkan peratusan pengunjung ke Muzium. Melalui hasil beberapa kajian, terdapat kurangnya pelawat datang ke Muzium Diraja Negeri Kedah. pengkaji akan memfokuskan kepada pelan strategi pemasaran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium. Selain itu, pengkaji ingin menganalisis kaedah pemasaran pameran yang telah dijalankan terhadap koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah

1.9 Struktur Tesis

1.9.1 Bab 1: Pengenalan

Dalam bab 1, pengkaji akan membincangkan mengenai cara penyampaian melalui penyelidikan yang telah dijalankan. Selain itu, pengkaji akan memfokuskan mengenai cara yang digunakan untuk pemasaran artifak terhadap pengunjung yang datang ke muzium. Manakala, pengkaji juga akan membincangkan beberapa objektif kajian yang akan dijalankan dalam kajian ini. Objektif kajian dan persoalan kajian akan dibincangkan berkaitan dengan isu dan masalah yang terjadi di mana selepas itu terdapat kepentingan kepada sesebuah masyarakat pada masa sekarang dan akan datang.

1.9.2 Bab 2: Fungsi Pemasaran Pameran

Pengkaji juga akan membincangkan mengenai koleksi serta sejarah yang dapat dikupas melalui setiap koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Negeri Kedah. Selain itu, pengkaji akan memberikan penerangan mengenai kaedah pemasaran pameran yang dilakukan terhadap koleksi yang mana ia digunakan dalam menarik pelawat untuk datang ke Muzium. Hal ini kerana, setiap muzium mempunyai kelainan dan perbezaan dari segi pameran yang dilakukan. Malahan pengkaji akan memberikan perincian terhadap penyelidikan yang dijalankan di Muzium Diraja Negeri kedah. Manakala, aktiviti

penyelidikan membantu pengkaji dalam menyelesaikan masalah yang hendak dikaji.

1.9.3 Bab 3: Metodologi Kajian

Dalam bab 3, pengkaji akan menjelaskan kaedah saintifik yang dapat digunakan melalui penyelidikan yang dilakukan. Pengkajian ini akan melibatkan kepada satu peringkat ke peringkat yang seterusnya, seperti penggunaan sebelum kajian, semasa kajian dan selepas kajian. Selain itu juga, sebelum menjalankan aktiviti penyelidikan, pengkaji perlu melakukan tinjauan terhadap lokasi yang dipilih. Hal ini dapat memudahkan pengkaji dalam mencari kawasan tersebut untuk menjalankan aktiviti yang seterusnya. Pengkaji juga akan mengambil gambar sebagai bahan bukti menjalankan kajian. Sampel-sampel tersebut akan dimasukkan ke dalam pendokumentasian.

1.9.4 Bab 4 Analisis Data

Dalam bab 4 pengkaji akan membahaskan secara terperinci mengenai data dan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai kajian lapangan yang dilakukan. Segala maklumat dan data yang telah diperolehi melalui kajian lapangan ini akan diolah secara terperinci. Melalui analisis data ini, pengkaji akan lebih banyak menghuraikan segala maklumat yang mempunyai kaitan dengan objektif kajian bagi menghuraikan secara terperinci.

1.9.5 Bab 5 Kesimpulan

Dalam bab 5, pengkaji akan menjelaskan secara menyeluruh dan terperinci hasil dapatan kajian yang telah dilakukan, serta menyatakan beberapa cadangan yang perlu dilakukan dalam proses pemeliharaan koleksi yang terdapat di dalam Muzium Diraja Kedah pada masa akan datang

1.10 Rumusan Bab


Sebagai kesimpulannya, kajian ini telah difokuskan kepada pemasaran pameran yang diadakan di Muzium Diraja Negeri Kedah. Pemasaran semasa mengadakan pameran sangat penting dalam ekonomi. Hal ini dapat dilihat bahawa, aktiviti pelancongan juga boleh dikategorikan sebagai pembelajaran sejarah dahulu kala. Disebabkan itu, pelancongan sangat memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan ekonomi negara. Melalui aktiviti ini ia menunjukkan bahawa kepentingan dalam penjagaan warisan. Segala koleksi yang telah dipertunjukkan di dalam Muzium memberikan pendedahan kepada orang ramai. Menerusi perkara itu juga, terdapat tiga objektif kajian yang akan dijalankan semasa kajian ini.

Selain itu, melalui penyelidikan ini pengkaji mengetahui cara pengurusan koleksi yang ada di dalam Muzium. Pemeliharaan dan penjagaan koleksi ini bukanlah mudah kerana memerlukan aktiviti kerja konservasi yang betul bagi menjaga kepentingan dan nilai warisan


tersebut. Oleh itu, semua masyarakat berperanan dalam menjaga dan memelihara warisan tersebut supaya tidak luput ditelan zaman.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

1.2 Pengenalan

Kajian Literatur atau sorotan kajian adalah suatu pernyataan fakta yang dapat mendukung sesuatu objektif kajian. Melalui sorotan kajian lepas pengkaji telah didedahkan segala-segala maklumat yang mempunyai kaitan dengan aktiviti di Muzium semasa dan selepas. Selain itu, sorotan kajian lepas ini mempunyai kaitan dengan penyelidikan lepas iaitu kajian yang telah dilakukan oleh seseorang melalui penyelidikan pengkaji. Pada bahagian ini terdapat segala pernyataan, pendapat serta laporan kajian lepas yang telah digunakan oleh pengkaji. Segala sumber atau maklumat ini telah diperolehi melalui beberapa perkara iaitu jurnal, artikel, tesis dan seseorang yang mempunyai maklumat dan pengalaman di dalam bidang ini.

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan bagaimana maklumat yang diperolehi ini mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan. Manakala dalam bab 2 juga, pengkaji akan menunjukkan subtopik yang akan dibincangkan dengan lebih jelas dan terperinci melalui kaedah kajian dahulu.

2.2 Definisi Muzium

Muzium adalah tempat yang digunakan oleh satu badan organisasi yang mana ia bertujuan untuk memulihara dan memelihara barang lama yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi dan akan ditonton oleh generasi akan datang. Muzium ini digunakan untuk menyimpan artifak lama yang hampir pupus. Selain itu, muzium juga berperanan tempat khas yang telah disediakan bagi menjaga menyimpan artifak sejarah yang tinggi dari segi seni yang telah dilakukan di koleksi tersebut.

Muzium yang bermaksud penjagaan barangan lama telah ditempatkan di sesebuah bangunan lama. Pandangan tersebut telah berubah hingga tahun 1974 apabila kemunculan UNESCO, iaitu dengan Kerjasama Majlis Muzium Antrabangsa (ICOM), yang telah memaklumkan maksud muzium dengan lebih terperinci. Muzium merupakan sebuah institusi yang tidak mengambil keuntungan dalam pengurusannya malahan ia turut memelihara, memulihara, menyelidik serta berkomunikasi dengan masyarakat bagi menunjukkan warisan kemanusiaan serta persekitarannya bagi tujuan pendidikan dan kajian ilmiah daripada pelajar. Muzium telah dianggap sebagai suatu pemegang amanah harta negara yang tidak dapat diganti. Ini berkemungkinan ia telah dijadikan sebagai pusat pendidikan tidak rasmi. Segala sumber dan artifak yang terdapat di dalam muzium telah banyak menyumbang kepada suatu pemahaman serta mempunyai minat dalam bidang sejarah, seni serta persekitaran semula jadi.

Selain itu juga, kita perlulah melihat dari segi perspektif yang lebih luas dalam menyimpan serta mempamerkan artifak di muzium. Pada asalnya, tujuan muzium dibina adalah untuk mendidik masyarakat, memelihara serta memelihara warisan sejarah, budaya dan semula jadi yang mana ia bertujuan untuk pelancongan. Terdapat juga dasar khusus yang telah berperanan melalui fungsi muzium melalui Pemerolehan Koleksi, Dasar Penyelidikan, Teknik dan Konsep Pameran perlu digubal terlebih dahulu dan dapat berfungsi dengan baik sebagai panduan bagi pegawai serta kakitangan muzium. Sebuah muzium juga telah dikendalikan mengikut polisi serta dalaman struktur organisasi yang telah sesuai dengan misi, objektif dan fungsi muzium. Pemuliharaan merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam menjalankan aktiviti pengurusan koleksi di muzium. Muzium juga memainkan peranan sebagai Gudang warisan negara kerana tanpa koleksi untuk dipaparkan, muzium tidak akan berfungsi. Jika sesebuah muzium mempunyai banyak koleksi ia akan memberikan identiti kepada muzium tersebut yang mana ia menyumbang kepada popularitasnya. Museologi terdapat pelbagai aspek yang ada kaitan dan saling membantu, ia bertujuan untuk membangunkan dan menubuhkan sebuah pusat pengumpulan dan juga pendidikan warisan nasional. Hal ini dapat disimpulkan bahawa, sebuah muzium ini merupakan perantaraan alat penyimpanan warisan peradaban masa lalu sehingga ke hari ini.

2.3 Pelan Strategik pemasaran dengan promosi

Menurut Mohd Said Z.A (1988), beliau menyatakan bahawa seorang pengurus pemasaran akan mencuba untuk mencari peluang yang sesuai yang akan digunakan dalam aktiviti promosi, beliau juga perlu melihat strategi sebagai satu faktor penggerak yang baik dalam merebut sesuatu peluang pemasaran. Sebagai contohnya, pemasaran dalam bidang koleksi sangat penting untuk menarik ramai pelancong datang ke muzium bagi melihat koleksi yang terdapat di muzium. Hal ini kerana, pemasaran merangkumi rancangan yang strategik yang mana ia berasaskan kepada kehendak dan keperluan pasaran untuk berpotensi mencapai kejayaan. Menurut Habibah Ahmadet. Al., (2014), pada hari ini jika diteliti dengan baik terdapat gaya yang telah diperlihatkan melalui penulisan dan pembacaan komen di dalam talian yang semakin popular di seluruh dunia. Hal ini boleh dijadikan sebagai satu penyelidikan untuk merungkai dan memahami strategi pemasaran yang akan digunakan oleh muzium dalam menarik para pelancong.

Mana-mana aktiviti yang hendak dijalankan oleh pihak muzium haruslah dimulakan dengan kefahaman mengenai pemasaran yang bertujuan untuk mencapai kejayaan serta kehendak pengguna akan lebih cenderung untuk berjaya daripada tidak berasaskan kepada kefahaman mengenai pemasaran. Pengurusan pemasaran juga telah mempunyai aktiviti-aktiviti seperti menganalisis, melakukan perancangan, mengawal program pemasaran untuk membina serta mengekalkan segala

pertukaran-pertukaran yang memberikan manfaat kepada pengguna yang telah disasarkan untuk mencapai tujuan serta objektif organisasi.

Menurut Griffin dan Elbert (2002), menyatakan bahawa pemasaran merupakan suatu proses untuk merancang, mengadakan promosi serta pemberian idea, menentukan harga, meletakkan konsep dan juga mewujudkan suatu perkhidmatan yang mana ia digunakan dalam mewujudkan aktiviti pertukaran yang mana ia akan termaktub di dalam objektif yang dibuat melalui individu ataupun organisasi. Menurut Paal Mork (2004) berpendapat bahawa pemasaran ini suatu perkara yang sangat penting dan perlu memberikan fokus yang lebih mengenai cara yang perlu digunakan dalam menarik minat para pelancong dalam aktiviti melawat ke muzium. Pengurusan yang cekap dan pantas adalah bertujuan untuk meningkatkan jumlah kedatangan para pengunjung ke Muzium. Pada masa yang sama juga pelan pemasaran yang berkesan dapat mengawasi segala permasalahan yang telah dialami oleh pihak muzium, dari segi kekurangan kewangan, berlaku juga permasalahan saingan antara muzium atau galeri yang baru buka serta masalah pameran yang tidak menarik dan sebagainya.

2.4 Definisi Jenis Pemasaran Campuran 4Ps

Melalui Swastha dan Handoko (2000:4), kaedah pameran pasaran adalah aktiviti dalam merancang, menentukan harga, mempromosi serta meminimumkan harga terhadap barang tersebut. Pemasaran sangat penting untuk suatu perusahaan. Selain itu, terdapat ulasan falsafah dalam pemasaran yang mana beliau menyebut mengenai konsep pemasaran. Menurut, Basu Swastha (2000: 6) telah memberikan maksud pemasaran seperti “Konsep pemasaran adalah suatu falsafah bisnis yang mana ia akan membawa kepada pemuasan di dalam ekonomi dan sosial bagi melangsungkan hidup sesebuah perusahaan tersebut”.

Manakala, menurut William J. Shultz, aktiviti pemasaran adalah sesuatu kegiatan yang mana ia telah dilakukan dalam suatu bidang pekerjaan yang melibatkan kepada barangan hingga ke tangan konsumen. Menurut Sofjan Assauri (1987:19) menyatakan bahawa pemasaran akan melalui tiga fungsi iaitu fungsi transaksi/transfer, fungsi supply fisik dan fungsi penunjang.

Muzium merupakan sebuah institusi yang berlandaskan kepada ilmu pengetahuan dan menyimpan kepelbagaian jenis sejarah merupakan tarikan pelancong dan pendapatan kepada Negara. Dalam World Tourism Organization-UNWTO (2014), ia mengatakan bahawa Sektor Perindustrian merupakan sektor yang sangat maju. Menurut, Hoffman, Kwas & Silverman, 2002 aktiviti pelancongan warisan merupakan salah satu perjalanan yang telah dilakukan oleh mereka ke seluruh dunia melalui

pengalaman yang mereka miliki sendiri yang mana ia melibatkan aktiviti-aktiviti seperti yang telah diceritakan melalui kisah sejarah. Dalam kajian yang telah dirujuk muzium adalah salah sebuah institusi yang mana ia telah tersenarai di dalam kategori pelancongan warisan. Menurut, Halewood C., & Hannam K. (2001) pelbagai kajian yang telah dilakukan mengenai aktiviti pelancongan warisan dan berkemungkinan ia merangkumi pelbagai aspek seperti analisis Muzium, landskap, artifak dan aktiviti-aktiviti kehidupan masa lampau.

Muzium juga telah banyak menggunakan pelbagai cara serta penekanan dan peluang yang terbaik untuk menarik perhatian pengunjung serta memasarkan perkhidmatannya sebagai sebuah Gedung penyimpanan dan sumber ilmu pengetahuan. Oleh hal yang demikian, pemasaran merupakan kunci asas sebagai sebuah alat pengurusan bagi muzium untuk mencapai sesuatu tujuan. Dalam penulisan Paal Mork (2004), beliau telah menyatakan bahawa kebanyakan muzium telah melakukan kesalahan semasa menafsirkan pemasaran muzium yang menganggap pemasaran semata-mata proses promosi dan jualan. Dalam penulisan Philip Kotler (2003) dan Patrick J. Boylan, (2004) pemasaran boleh dikelaskan sebagai salah satu proses yang holistic, yang mana ia bermula daripada reka bentuk produk, membahagikan pasaran, menguruskan promosi dan meneliti kepuasan pelawat.

Dalam teori E. Jerome McCarthy's iaitu 4Ps of Marketing dan Patrick J. Boylan (2004). yang telah menggabungkan empat perkara iaitu produk, harga, promosi dan tempat. Menurut, Timothy Ambrose (1993), melalui

Managing New Museum; A Guide To Good, pemasaran merupakan gabungan beberapa kaedah yang selari dengan muzium serta sumber yang berlainan. Pemasaran dalam pemuziuman bergantung kepada pelawat yang fokus kepada produk muzium. Penggunaan 4 'Ps' ini telah dikaji melalui kaedah yang sangat penting untuk menentukan kejayaan sesebuah muzium. Oleh itu, definisi muzium dalam mengorientasikan pelawat dapat disimpulkan bahawa segala nilai tambah dalam pelan pemasaran perlu ada perancangan yang strategi.

2.5 Fungsi dan Peranan Muzium

Muzium sering disalah tafsirkan sebagai sebuah tempat yang menyimpan barang lama. Muzium juga telah dikaitkan dengan tempat penyimpanan artifak-artifak berunsurkan berhala dan pemujaan pada zaman dahulu. Muzium menafsirkan sebagai misi, matlamat, fungsi dan strategi mereka supaya tidak ketinggalan. Sebagai sebuah institusi muzium telah menggalakkan aktiviti mempromosikan dan memupuk nilai sejarah dalam diri masing-masing. Muzium juga perlu menjadi ejen kepada perubahan serta pembangunan kerana ia telah menjadi cermin peristiwa masa lampau. Muzium juga berkepentingan kepada golongan Pendidikan, masyarakat dan sebagainya. Hal ini perlu kepada semua orang untuk mendalami ilmu yang ada di situ.

Muzium Pendidikan telah berfungsi sebagai pengembang kepada semua muzium awam. Muzium yang kita ketahui merupakan suatu objek

untuk pengukuhan serta hiburan kepada orang ramai sejak abad ke-17. Pengembangan besar muzium telah menjadikan institusi awam sangat penting pada abad ke-19. Menurut Hudson (1975) yang mana ia telah mengaitkan dengan Rene Huyge iaitu seorang sarjana Perancis berkaitan dengan peluang keemasan yang telah menghasilkan semangat serta persamaan peluang yang sederhana, bahawa koleksi yang hingga kini telah disusun semula untuk kesenangan dan pembinaan berdasarkan kepada Teori yang telah digunakan.

Menurut Willard L.Boyd, Presiden, "Field Museum of Natural History Chicago", (Oktober 22,1991)" yang mana beliau menyatakan bahawa pelawat di muzium akan kembali jika ia mempunyai lebih manfaat kepada mereka dari masa ke semasa. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat perlu menghayati serta mengaplikasikan peranan yang telah dimainkan oleh keseluruhan carta pihak muzium dalam mempromosikan muzium supaya lebih banyak mempelajarinya serta dapat memperkembangkan ilmu pengetahuan yang ada. Melalui ilmu pengetahuan yang telah diperolehi semasa menjalankan kaedah lawatan terhadap Kawasan tersebut, dapat dirasakan bahawa ia tidak sama seperti ilmu yang telah kita capai semasa belajar di sekolah ataupun pusat pengajian. Melalui lawatan ke muzium masyarakat dapat mengetahui maklumat-maklumat dengan lebih mendalam dan terperinci apabila melihat dengan mata sendiri mengenai artifak yang telah dipamerkan di dalam muzium tersebut. Seperti sedia maklum, barangan artifak yang telah berada di dalam muzium sukar untuk dijumpai kerana barangan antik

tersebut sukar untuk dijumpai pada abad ini. Artifak tersebut perlu dipulihara dan dipelihara oleh jabatan muzium supaya ia dapat dikekalkan pada masa kini dan generasi muda yang akan datang. Segala ilmu yang telah diperolehi ini akan mendidik masyarakat untuk mencapai segala matlamat yang hendak dikecapi.

Muzium juga boleh dijadikan sebagai suatu rujukan kepada generasi baru. Hal ini segala keperluan barangan yang terdapat di muzium merupakan suatu pengetahuan serta koleksi untuk masyarakat serta generasi baru yang mana mereka tidak pernah mengetahui langsung mengenai kewujudan artifak ini. Aktiviti ini akan memberikan banyak manfaat kepada generasi baru kerana pihak muzium yang peka dengan menyebarkan ilmu mengenai sejarah ini dan dapat diturunkan kepada satu generasi ke generasi akan datang. Selain itu juga, masyarakat itu sendiri perlu memainkan peranan yang penting dalam menjalankan tanggungjawab mereka supaya semua bahan-bahan yang ada di muzium dapat digunakan serta diaplikasikan dengan mendedahkan kepada generasi yang akan datang. Masyarakat perlu memanfaatkan serta menghargai segala pengorbanan pihak muzium dalam menjayakan segala aktiviti yang diadakan supaya apa yang dipelajari dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan.

Walaupun bagaimanapun, muzium adalah sebuah badan organisasi bukan bermotifkan keuntungan tetapi muzium tersebut mempunyai fungsi yang tersendiri yang mana ia merujuk kepada dua aspek tetap. Selain itu, muzium kontemporari merupakan suatu anjakan paradigma mengenai

pengurusan muzium yang moden mengenai pembahagiannya antara fungsi dan peranannya. Muzium juga dijadikan sebagai sebuah aktiviti destinasi pelancongan bagi sesebuah negara. Menurut Ritchie (2003), menyatakan bahawa pendidikan serta pembelajaran merupakan faktor yang paling penting dalam aktiviti pelancongan yang lebih menjurus kepada alam semula jadi, ekopelancongan dan juga pelancongan warisan.

2.5.1 Fungsi kepada pelajar

Fungsi Muzium kepada pelajar adalah untuk menyampaikan maklumat yang berguna serta memberikan pendidikan mengenai sesuatu budaya serta sejarah yang mana ia akan dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan kepada pelajar pada hari ini. Hal ini kerana, banyak program yang telah dirancang serta diatitkan untuk para pelajar. Sebagai seorang pelajar kita perlulah memahami sejarah dahulu kala yang telah berlaku terhadap negara, hal ini dapat mengambil iktibar terhadap pelajar untuk belajar mengenai sejarah supaya ia tidak akan pernah mengalami hal yang sama. Sebagai contohnya, guru perlu memainkan peranan dalam menjalankan bengkel untuk pelajar supaya mereka dapat menghafal peristiwa lepas. Selain itu, penubuhan muzium juga merupakan rujukan dalam bidang Pendidikan yang mana ia dapat menyebarkan maklumat serta Pendidikan tidak formal kepada masyarakat. Muzium juga bukanlah suatu tempat pameran semata-mata, tetapi ia perlu dimanfaatkan oleh semua pelajar sepenuhnya, dari masa ke semasa.

Selain itu terdapat pembelajaran berdasarkan koleksi, pembelajaran ini merupakan kaedah yang digunakan oleh pelajar di muzium. Hal ini kerana, melalui koleksi yang ada di muzium ia dapat dijadikan pendekatan *Multidisciplinary Collection*. Muzium yang menyimpan koleksi mempunyai sejarah, budaya dan ia telah digunakan secara bersepadu. Melalui pembelajaran pameran, ia dipersembahkan melalui teknik yang interaktif iaitu melalui secara sementara, pameran tetap, bergerak dan khas. Aktiviti secara ini dapat disampaikan menerusi pameran koleksi dan dipertontonkan kepada pelajar melalui beberapa kaedah penerangan seperti teks dan kapsyen yang sesuai. Pembelajaran melalui kuliah dan ceramah yang digunakan secara akademik. Kaedah melalui ini dianggap sangat berkesan dalam memberikan pendedahan dalam kalangan pelajar.

Menurut George E. Hein (1998), pendidikan merupakan faktor yang sangat penting dalam fungsi muzium sejak pengiktirafan pembukaan muzium kepada orang awam. Muzium merupakan salah satu institusi yang mana ia mampu memberikan Pendidikan sejarah dengan cara yang berkesan memandangkan ia mempunyai pelbagai kaedah serta material yang sesuai digunakan dalam kaedah penyimpanannya. Seperti yang kita tahu, kaedah Pendidikan yang telah diterapkan ini adalah melalui pameran serta himpunan koleksi, hal ini memudahkan aktiviti pemahaman masyarakat melalui identiti serta fasa evolusi yang berlaku terhadap sesebuah tamadun dan masyarakat. Melalui masyarakat moden, muzium telah merencanakan pelbagai proses yang perlu

dilancarkan dalam usaha bagi menyampaikan maklumat serta dapat memberikan Pendidikan kepada warganet khususnya kanak-kanak dan masyarakat umum bagi memberitahu bahawa perkembangan yang telah berlaku di sekitar secara perlahan-lahan berubah. Melalui pendekatan ini akan dapat membantu mereka untuk lebih memahami serta menghargai segala sejarah, di samping itu dapat juga memupuk sikap bangga terhadap diri mereka sendiri kerana telah berusaha dan mencapai segala maklumat yang mana ia telah berlaku pada zaman dahulu

Namun demikian, menurut Bandura (1986) dalam teori beliau ada menyatakan bahawa ia perlu menekankan aspek perhubungan rapat di antara persekitaran dengan individu dalam memahami serta mempelajari sesuatu. Persekitaran akan berperanan dalam menjana daya kognitif individu. Melalui kaedah ini ia akan dapat menentukan cara maklumat yang hendak disampaikan itu kekal ataupun sebaliknya. Perkara tersebut juga dapat dilihat bahawa institusi muzium telah banyak membantu dalam mengukuhkan proses P&P yang mana ia telah dijalankan oleh golongan pendidik. Hal ini juga, bagi memastikan proses P&P tersebut perlu berlangsung dengan lancar melalui sesuatu pendekatan yang berbeza.

Menurut George E. Hein (1998), peranan institusi muzium pada masa kini juga telah berubah mengikut pendekatan terhadap pendidikan. Hal ini kerana, muzium bukan hanya sekadar tempat untuk melawat

ataupun mengisi masa senggang semata-mata. Namun, pada masa kini institusi muzium dan pendidikan telah mempunyai hubungan antara satu sama lain melalui skop subjek sejarah yang telah diajar.

Selain itu, terdapat salah satu teknik yang boleh diaplikasikan terhadap muzium yang bertujuan untuk mendidik masyarakat adalah dengan menerusi program pendidikan muzium. Program yang dianjurkan ini perlulah berteraskan kepada pendidikan muzium lazimnya melalui pameran serta aktiviti permuziuman yang telah dilaksanakan. Dengan menggunakan segala bahan pameran yang telah dipamerkan, melalui penggunaan ruang untuk meneroka yang mana ia terdapat di Muzium Negara, serta modul pendidikan yang telah dirangka melalui sesi penerangan, dan mengambil serta menjalankan aktiviti yang telah dilaksanakan.

2.5.2 Fungsi Kepada Pengunjung di Malaysia

Muzium juga sangat penting kepada masyarakat di Malaysia tidak kira umur. Hal ini kerana, kekerapan pengunjung datang ke muzium sangat penting. Melalui perkara ini setiap muzium yang ada di Malaysia sangat mementingkan kepada kedatangan pelawat. Selain itu juga kepelbagaian koleksi yang ada di muzium dapat dipelajari oleh semua masyarakat, serta ia dapat mengimbas kembali keadaan yang wujud pada suatu ketika dahulu. Bagi mereka yang berada dalam era dahulu mesti ingin melihat sejarah koleksi pakaian, tembikar dan budaya yang wujud pada zaman dahulu. Melalui fungsi muzium kepada pengunjung

di Malaysia ia dapat dipelajari pelbagai ilmu serta mendapat maklumat yang berguna pada masa hadapan dan sekarang. Muzium juga menggalakkan perpaduan masyarakat melalui pemahaman serta penghargaan dalam kepelbagaian etnik yang telah wujud di dalam sesebuah masyarakat. Melalui perpaduan yang wujud ia mementingkan kepada keharmonian dan kesejahteraan dalam pelbagai kaum. Dari sudut perspektif, muzium telah menggalakkan diplomasi budaya yang mana ia melahirkan persefahaman yang baik antara rakyat dan negara.

Selain itu, bangunan bersejarah ini perlulah dikekalkan supaya ia dapat dijadikan sebagai sumber penyelidikan dan pendidikan kepada penduduk setempat. Hal ini kerana, pelbagai ilmu yang akan dapat dipelajari semasa kita mengkaji artifak ataupun sesebuah bangunan lama tersebut yang mana ia mempunyai sejarah dan latar belakang yang baik. Sebagai contohnya, muzium diraja di kedah sangat menarik perhatian masyarakat untuk mengadakan sebarang aktiviti melawat di tempat tersebut. Kebanyakan koleksi berada di situ seperti pelamin dan lain-lain. Di kedah juga terdapat jumpaanya sebuah tapak arkeologi yang mana ia menunjukkan bukti awal ketamadunan awal di negara sejak bertahun lamanya.

Menurut Powell (1994), muzium merupakan warisan yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi serta mempunyai nilai tersurat dan tersirat. Hal ini kerana, ia dapat disentuh secara realiti, masyarakat dapat menghayati segala koleksi yang telah dipamerkan. Kesemua sejarah ini sangat bernilai tinggi dan berkaitan antara satu sama lain dan ia juga

secara tidak langsung ia dapat membentuk alam persekitaran bandar yang memberikan makna terhadap kepentingan kebudayaan masyarakat.

2.5.3 Fungsi Kepada Pelancong Antarabangsa

Melalui respon pelancong antarabangsa mereka suka melawat di sekitar kawasan pantai yang cantik untuk melihat keindahan alam. Hal ini kerana, pelancongan antarabangsa telah mempunyai maklumat serta pengetahuan sejarah terhadap sesuatu kawasan. Mereka mendapat maklumat melalui brosur, iklan dan media elektronik. Setiap pelancong asing mempunyai minat dan daya tarikan yang tersendiri dalam memahami serta melihat segala warisan sejarah semulajadi yang telah dibangunkan kembali dan dijadikan sebagai kawasan pelancongan. Kemasukan pelancong asing di Malaysia juga dapat menyumbangkan kepada peningkatan ekonomi dalam bidang permuziuman. Ada juga ahli arkeologi daripada luar ingin mengkaji sesuatu perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian mereka. Artifak sejarah yang hendak dikaji ada di Malaysia dan mereka akan datang ke negara ini.

Bagi mereka sesuatu kajian yang hendak dijalankan itu sangat penting dan terpaksa memakan masa. Hal ini menyebabkan mereka datang ke sini untuk menjalankan kajian. Aktiviti ekskavasi juga turut dijalankan untuk mendapatkan artifak lama serta dipamerkan di muzium. Kajian-kajian seperti ini kerap dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang bermakna. Dari segi kepuasan pelancong pula, pengalaman

mereka telah menyebabkan hasil kepuasan yang sangat berpuas hati hasil daripada lawatan yang telah dijalankan di Muzium Diraja. Menurut Pizam, Neuman dan Reichel (1978), telah memetik dalam artikel Truong dan Foster (2006), mendefinisikan bahawa tahap kepuasan pelancong merupakan hasil keputusan melalui perbandingan antara pengalaman pelancong di suatu kawasan serta jangka masa di kawasan pelancongan tersebut.

Dari sudut pelancongan, pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan serta koleksi lama boleh dianggap sebagai salah satu punca sektor perindustrian yang mana ia akan menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Warisan sejarah seperti bangunan dan koleksi adalah salah satu elemen yang berperanan penting untuk pembentukan aktiviti pelancongan di sesebuah negara. Hal ini kerana, dapat dilihat bahawa pada masa kini sesebuah negara menjadi lebih menarik disebabkan oleh mercu tanda ataupun monumen warisan yang telah kekal pada masa kini. Bangunan-bangunan lama juga telah diubahsuai menjadi muzium, galeri dan sebagainya yang mana ia masih mengekalkan sejarahnya.

2.6 Kepentingan Pemeliharaan Koleksi dalam aspek Ekonomi

Menurut Ovende (2004) melalui petikan ayat dalam Katherine Hann;s menyatakan bahawa pengunjung amat penting dalam meneruskan penglibatan di dalam Muzium bagi segala pameran koleksi yang ada.

Sebagai contohnya, pihak muzium perlu mengiklankan pembukaan muzium di media elektronik seperti radio, televisyen dan sebagainya untuk menarik pengujung ke Muzium. Menurut Walt (2006), menyatakan bahawa pengurusan muzium untuk mencapai kejayaan adalah melalui proses pembaharuan pembangunan melalui pengunjung ke muzium.

Pengurusan koleksi perlu dilakukan dengan lebih sempurna supaya, setiap penjagaan koleksi itu dapat meningkatkan nilai warisan. Melalui proses kemasukan koleksi ke muzium ia telah dicatat dengan lebih teliti dan terperinci supaya setiap maklumat yang dicatat menjadi panduan kepada orang ramai. Selain itu juga, dengan adanya sistem yang mana ia boleh direkodkan dan disimpan di dalam draf bagi data-data koleksi dan dikongsi kepada orang ramai.

Warisan sejarah mempunyai kelebihan yang tersendiri untuk dibangunkan. Pelancongan warisan telah menjadi sumber utama ekonomi pada masa kini. Hal ini kerana, dengan kewujudan tapak sejarah serta koleksi artifak di kawasan dan muzium akan menarik minat pengunjung datang ke sini. Pengunjung ini terdiri daripada rakyat Malaysia sendiri dan luar negara. Sektor ekonomi juga semakin berkembang dengan pesat berdasarkan kepada jumlah statistik pelawat yang memberikan keuntungan dalam sektor ekonomi. Pengusahaan warisan dahulu kala adalah sangat penting pada hari ini kerana ada kajian yang telah memberikan bukti bahawa pelancongan warisan telah tinggal lebih lama berbanding dengan orang lain. Penggunaan semula bahan-bahan sejarah dapat menghidupkan kembali sumber yang sangat penting dalam kegiatan

pelancongan dan meningkatkan ekonomi negara. Pelancong digalakkan untuk melancong di Malaysia kerana terdapat pelbagai warisan dahulu kala.

2.7 Kepentingan Muzium dalam Sektor Pelancong

Menurut Mohd Samsudin (2006), pelancongan merupakan kaedah yang memberikan impak yang positif melalui pendapatan keuntungan yang besar di dalam Negara. Keuntungan yang telah diambil kira melalui jumlah kemasukan pelancong asing di sesuatu kawasan yang ada di Malaysia. Pelancong yang berminat dengan sejarah dan ingin mencari pengalaman untuk melihat tinggalan sejarah. Hal ini kerana, kemasukan pelancong asing ke dalam negara hanya untuk melawat tapak-tapak sejarah dahulu kala. Kemudahan penyediaan artifak dan koleksi yang banyak membolehkan mereka untuk merasai sendiri kewujudan sesuatu artifak tersebut.

Menurut Ritchie (2006), menyatakan bahawa pelancongan melalui Pendidikan merupakan suatu kawasan yang telah memberikan impak positif terhadap ekonomi serta sosial masyarakat. Perkara tersebut juga telah dirancang oleh Program Transformasi Ekonomi untuk memperkasakan lagi industri pelancongan ini dari masa ke semasa. Menurut Cheung CMK dan Leo MKO (2012) menyatakan bahawa media massa perlu memainkan peranan dalam memajukan aktiviti pelancongan antarabangsa sejak awal lagi.

Menurut, Abdul Rahman (2012), aktiviti pelancongan juga bukan sahaja wujud dari segi hiburan semata-mata tetapi ia dapat dimajukan melalui konsep pelancongan pendidikan dengan lebih intensif lagi, lebih-lagi melalui pembangunan kemanusiaan, jati diri dan juga sahsiah seseorang. Manakala, menurut Mohd Hasrul (2010) menyatakan bahawa edupelancongan juga mempunyai tujuan dalam meningkatkan pengalaman terhadap pengunjung untuk menerokai dan mempelajari pelbagai ilmu di kawasan sekitar. Disebabkan itulah, muzium sangat penting dalam aktiviti pelancongan.

Seterusnya, menurut Leiper (1981), pelancongan merupakan suatu kegiatan di mana ia sentiasa terbuka dan mempunyai kaitan dengan persekitaran yang luas, serta elemen dimana kawasan yang hendak mereka tuju. Sebagai contohnya, pelancongan terhadap Muzium Diraja Kedah juga boleh ditafsirkan sebagai pelancongan warisan. Hal ini kerana, muzium merupakan suatu tempat yang telah digunakan untuk menyimpan barangan warisan peninggalan daripada dahulu kala. Warisan ini juga telah dijaga oleh pihak Muzium tersebut supaya ia kekal dan boleh ditonton kan pada masa akan datang.

Pelancongan warisan adalah salah satu daripada kategori warisan kebudayaan. Menurut Baharuddin dan Nikmatul (2007), pelancongan warisan boleh dikategorikan sebagai salah satu bentuk pelancongan warisan yang mana menerapkan nilai-nilai kelestarian. Selain itu, menurut Smith (2003) yang telah memetik daripada Ivanovic (2008), beliau telah mendefinisikan bahawa pelancongan warisan merupakan satu

konsep yang sangat luas termasuk lah segala persekitaran alam semula jadi serta merangkumi kebudayaan seperti tapak-tapak atau tempat bersejarah, koleksi serta alam kebudayaan terdahulu yang mana ia masih lagi kekal sehingga hari ini.

2.8 Rumusan Bab

Hasil melalui kajian ini pengkaji dapat mengkaji pelbagai jenis peranan kewujudan muzium dalam kalangan orang ramai melalui bahan rujukan dan penyelidikan yang telah dilakukan. Melalui kajian yang telah dilakukan, pengkaji telah memperoleh banyak maklumat baharu serta maklumat tambahan. Hal ini kerana, setiap maklumat ini akan dikumpulkan sebagai bahan bukti untuk menstabilkan lagi kajian ini. Sebelum ini kajian ini terlihat biasa kerana tidak mempunyai pernyataan yang kukuh dalam mengukuhkan lagi kajian ini. Kajian ini telah memberikan maksud yang lebih mendalam, secara tidak langsung ia dapat memberikan pengetahuan kepada orang ramai. Pembinaan muzium bukanlah semata-mata hanya mengadakan pameran sahaja, tetapi ia mempunyai maksud yang tersendiri untuk dipelajari malahan dapat meningkatkan ekonomi negara pada masa kini. Melalui kajian ini, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kewujudan pembinaan muzium terhadap orang ramai. Pengkaji berharap agar segala sumber dan maklumat yang disampaikan ini dapat menjadikan panduan kepada orang ramai. Menurut, Kotler (1999), yang dipetik daripada Griffin dan Elbert (2002), menyatakan bahawa pemasaran

dianggap sebagai suatu proses sosial dan pengurusan terhadap sesebuah institusi Muzium. Hal ini kerana, pemasaran merupakan proses untuk mengenal pasti kehendak pengguna yang akan membentuk strategik terhadap pemasaran dari segi produk, promosi dan sebagainya.

Kajian Literatur atau sorotan kajian adalah suatu pernyataan fakta yang dapat mendukung sesuatu objektif kajian. Melalui sorotan kajian lepas pengkaji telah didedahkan segala-segala maklumat yang mempunyai kaitan dengan aktiviti di Muzium semasa dan selepas. Selain itu, sorotan kajian lepas ini mempunyai kaitan dengan penyelidikan lepas iaitu kajian yang telah dilakukan oleh seseorang melalui penyelidikan pengkaji. Pada bahagian ini terdapat segala, pernyataan, pendapat serta laporan kajian lepas yang telah digunapakai oleh pengkaji. Segala sumber atau maklumat ini telah diperolehi melalui beberapa perkara iaitu jurnal, artikel, tesis dan seseorang yang mempunyai maklumat dan pengalaman di dalam bidang ini.

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan bagaimana maklumat yang diperolehi ini mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan. Manakala dalam bab 2 juga, pengkaji akan menunjukkan subtopik yang akan dibincangkan dengan lebih jelas dan terperinci melalui kaedah kajian dahulu.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Melalui bab 3 pengkaji akan menerangkan mengenai metodologi kajian yang telah digunakan semasa hendak menjalankan kajian ini di Muzium Di Raja Negeri Kedah. Kajian yang dijalankan ini adalah berfokuskan kepada kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi menjawab kepada persoalan kajian. Kaedah kajian ini dilakukan adalah untuk menjalankan kaedah penyelidikan di kerja lapangan yang lebih sistematik. Bahagian ini sangat penting bagi mengklasifikasikan maklumat dan data yang telah diperolehi ini menepati objektif kajian melalui penyelidikan dan menapis maklumat yang tidak perlu.

Menurut, kamus dewan 2011 metodologi bermaksud ilmu tentang metode atau sistem yang mempunyai kaedah-kaedah serta prinsip-prinsip yang digunakan di dalam sesuatu kajian. Manakala method bermaksud cara melakukan sesuatu atau sistem. Metodologi juga membawa maksud sains atau kajian mengenai kaedah, terutamanya dalam bidang ilmiah. Menurut Drs. Winardi (1976), metodologi adalah suatu ilmu mengenai kajian dalam mentadbir sesuatu kajian bagi mencapai matlamat yang telah dirancang. Hal ini dapat dikatakan bahawa metodologi merupakan ilmu

tentang cara mengkaji serta menyelidiki sesuatu kajian, ia adalah usaha yang sangat sistematik untuk memperoleh data yang tepat dan berkesan. Manakala dalam penyelidikan ia bermaksud sesuatu perkara yang telah dijalankan sama ada untuk memperoleh mengenai apa yang sedang berlaku, telah berlaku serta akan berlaku bagi menambahkan pengetahuan yang ada. Menurut Tuckman, dalam Sidek Mohd Noah (200), ia ada mengatakan bahawa penyelidikan merupakan daya saing yang sistematik untuk mendapatkan jawapan kepada semua persoalan yang hendak dikaji. Hal ini dapat disimpulkan bahawa aktiviti penyelidikan merupakan tata cara yang sistematik untuk memperoleh data berkaitan dengan sesuatu perkara yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku dalam mendalaminya bagi menambahkan pengetahuan.

Menurut Ruhizan Mohammad Yasin (2010), terdapat dua sumber data yang terbaik yang boleh diperolehi melalui penyelidikan yang telah dirancang secara sistematik berdasarkan kepada reka bentuk yang telah bersesuaian. Selain itu adalah mengenai penyelidikan yang terbahagi kepada dua iaitu secara kuantitatif atau pendekatan secara kualitatif yang mana ia telah ditentukan oleh persoalan kajian atau objektif kajian. Contohnya, penyelidik ingin menunjukkan kekerapan kemasukan pelawat ke Muzium pada setiap hari minggu. Antara reka bentuk penyelidikan yang bersesuaian adalah pemerhatian. Hal ini kerana, penyelidik ingin mengkaji pendekatan cara yang berkesan untuk memberikan pelawat datang ke Muzium, maka ia dikenali sebagai pendekatan penyelidikan eksperimen kerana ia sangat sesuai dengan kaedah tersebut. Menurut beliau, untuk

membincangkan reka bentuk kajian, penyelidik sendiri perlu membahaskan beberapa pemboleh ubah penyelidikan yang hendak dilakukan dan bagaimana dapatan pembolehubah tersebut dapat diukur, serta dapat membincangkan teknik persampelan yang boleh dilakukan dalam mengenal pasti responden penyelidik. Perancangan penyelidik juga perlu melibatkan penganalisis data yang hendak digunakan. Sekiranya penyelidik perlu menggunakan kaedah pendekatan secara kuantitatif, maka penyelidik perlulah membincangkan teknik yang berkesan yang mana ia sesuai untuk digunakan. Manakala, penyelidik ingin menggunakan kaedah kualitatif, kaedah ini akan menjadi titik fokus yang perlu dibincangkan.

Penyelidikan ini merupakan kajian yang bersifat deskriptif, ataupun lebih dikenali kajian yang dilakukan berdasarkan gambar yang telah ada. Penyelidikan ini juga adalah salah satu klasifikasi penyelidikan saintifik, di mana tujuannya adalah untuk pengalaman kajian yang dilakukan. Selain itu juga, dalam penyelidikan deskriptif, ia merangkumi kepada penyelidik untuk mengkaji, menganalisis, merakam serta mentafsirkan fakta tanpa memanipulasikan. Menurut Denzin dan Lincoln (1994) menyatakan mengenai penyelidikan secara kualitatif telah melibatkan kepada cara penyelidikan yang bersifat sesuatu objek. Manakala, menurut Creswell (1994) ia berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif ini bergantung kepada kaedah pengumpulan data yang digunakan apabila penyelidik meninjau sesuatu permasalahan yang berlaku. Kaedah ini juga bergantung kepada perolehan data daripada teks dan imej. Hal ini


demikian kerana, terdapat beberapa proses yang berbeza kuantitatif dalam menganalisis data serta melukiskan reka bentuk yang pelbagai. Reka bentuk ini akan diberi tumpuan kepada pengumpulan data, menganalisis, serta penulisan untuk keseluruhan proses penyelidikan.

3.2 Reka bentuk kajian

Selain itu mengenai reka bentuk kajian ianya perlu dilakukan untuk dijadikan sebagai sebuah panduan bagi menjawab kepada persoalan kajian. Menurut Maxwell 2005, kaedah ini merupakan suatu struktur dalam kajian dan melibatkan kepada perancangan dalam pemilihan sumber serta data yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan.

Penyelidikan boleh terbahagi kepada dua kaedah reka bentuk utama iaitu eksperimental dan bukan eksperimental. Secara umumnya, kedua-dua kajian ini adalah berbeza mengikut kepada kaedah yang ingin ditentukan. Hal ini kerana, kajian eksperimental boleh dirujuk sebagai suatu penyelidikan yang bertujuan memahami perhubungan antara variabel-variabel melalui kaedah pengenalpastian dan pengukuran yang tepat serta teliti (Chua, 2011). Penyelidik juga ada menggunakan beberapa kaedah dalam pengumpulan data yang mana ia melibatkan dua sumber utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Menurut Yusof (2003) data primer merupakan data yang berasal daripada sumber bahan asli yang telah diperoleh bagi menjawab segala persoalan kajian. Selain itu juga, semua data primer ini dikumpul sendiri oleh pengkaji untuk mendapatkan hipotesis

dalam kajian ini. Data tersebut boleh diperolehi melalui pengumpulan data primer iaitu pengumpulan secara pasif dan aktif dan ianya terbahagi kepada dua kaedah. Kaedah yang pertama adalah temu bual secara langsung iaitu dilakukan dengan cara bersemuka melalui responden dengan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang lengkap. Terlebih dahulu pengkaji akan menyediakan beberapa soalan sebelum menjalankan aktiviti menemu ramah responden. Manakala yang kedua adalah kaedah menemu ramah secara tidak langsung. Melalui kaedah ini pengkaji akan menggunakan *platform google form* untuk menanyakan soalan yang berkaitan dengan kajian ini. Bagi sumber sekunder, Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dikatakan data yang diperolehi melalui kajian lepas. Pada permulaannya data dikumpul terlebih dahulu melalui artikel yang mempunyai kaitan dengan tajuk. Data-data tersebut dikumpulkan kerana ia relevan dan sesuai dengan tajuk. Tujuan ini dilakukan adalah untuk mendapat jawapan mengenai persoalan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji. Sebagai contohnya, pengkaji memperoleh data melalui dokumen awam, arkib, artikel dan banyak lagi yang mana ia mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini. Segala bahan terbitan yang telah dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji lain juga turut digunakan dalam menyelesaikan segala masalah yang telah timbul. Menurut Merriam 2011, kaedah ini yang paling digunakan oleh penyelidik untuk mendapatkan maklumat.



Rajah 3.2: Menunjukkan carta Alir Metodologi Kajian

3.2.1 Kaedah Kuantitatif

Menurut Neuman (2000), kajian kuantitatif merupakan satu permasalahan yang telah dikenalpasti berdasarkan kepada pembolehubah yang telah diukur melalui teknik statistik. Menurut Fellow dan Lui, 1997 menyatakan bahawa kaedah kuantitatif ini merupakan kajian eksperimental serta kajian tinjauan.

3.2.2 Kaedah Kualitatif

Selain itu, menurut Holloway 1997, menyatakan bahawa kajian kualitatif adalah suatu bentuk berdasarkan kepada pertanyaan secara sosial yang mana ia memfokuskan kepada cara seseorang menginterpretasikan terhadap logical melalui pengalaman mereka di

persekitaran mereka. Menurut Creswell 1994, kajian kualitatif ini juga merupakan kajian tindakan, kajian kes serta kajian etnografi.

3.3 Kaedah Kajian

Menurut Tuckman 1978, kaedah kajian merupakan penyelidikan yang lebih sistematik dalam mendapatkan segala jawapan yang bersesuaian kepada persoalan dan permasalahan. Penyelidikan ini mengaplikasikan dua jenis kaedah iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam memperoleh maklumat dalam menjalankan kajian ini.

3.3.1 Kaedah Pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu kaedah yang dijalankan oleh seseorang individu dalam menjalankan sesuatu kajian. Instrumen kajian juga mempunyai kaitan dengan soalan-soalan ataupun pernyataan yang telah dibentuk khas untuk memperolehi maklumat semasa kajian (Norhayati, 2011). Instrumen ini telah digunakan sebagai suatu asas dalam memperoleh data seperti yang dikehendaki oleh penyelidik dalam mendapatkan data bagi mencapai objektif kajian. Penggunaan instrumen ini bertujuan, untuk memudahkan pengkaji semasa menjalankan kajian dalam memungut data bagi memastikan objektif kajian tercapai. Menurut Noraini Idris (2010), aktiviti penyelidikan ini lebih tertumpu kepada pengumpulan hasil data kajian. Hal ini kerana, data merupakan maklumat demografi seperti umur, jantina, etnik dan agama.

Hasil tersebut boleh diperoleh dalam bentuk apa jua cara seperti temubual dan mengedarkan borang soal selidik. Secara tidak langsung kaedah pemerhatian ini dikelaskan kepada dua bahagian iaitu pemerhatian secara langsung dan pemerhatian secara tidak langsung. Kaedah penglibatan secara langsung adalah dengan pengkaji turun padang untuk melihat serta mengumpulkan maklumat sendiri di kawasan kajian. Secara tidak langsung pengkaji akan merekodkan semua data yang telah diperolehi. Selain itu, melalui kajian secara tidak langsung pengkaji akan mencari maklumat di internet sahaja. Kedua-dua kaedah ini sangat berbeza dalam mengumpulkan maklumat.

Untuk mendapatkan maklumat serta data yang banyak, pengkaji telah membuat lawatan di lokasi kajian yang dilakukan secara langsung ke kawasan kajian bagi melihat kaedah pengurusan koleksi yang dijalankan dalam menarik pelancong datang ke Muzium. Pemerhatian terhadap kaedah persampelan kajian ini dilakukan secara terperinci, jelas dan tepat. Semasa kaedah ini dilakukan pengkaji telah menggunakan teknologi canggih dalam menyimpan maklumat seperti menggunakan telefon pintar untuk merakam kawasan sekitar muzium dan menangkap foto-foto yang mempunyai kaitan dengan kajian kali ini. Pemerhatian yang telah dijalankan ini haruslah lebih sistematik dan mempunyai manfaat atas setiap maklumat yang dikecapi. Hasil-hasil tersebut telah dicatat dan dijadikan rujukan pada masa hadapan. Rajah 3.4 merupakan gambar bagi kawasan kajian yang telah dijalankan.



Rajah 3.3 Survei kajian Lapangan

Sumber: Kajian Lapangan 2021

3.3.2 Kaedah Temu bual

Menurut Patton (1990) melalui Othman (2009), temu bual merupakan satu penyelidikan yang mana ia perlu memahami sesuatu maklumat yang ada pada responden. Melalui kajian ini, temubual bertujuan untuk mengetahui pandangan serta pendapat oleh pihak yang mempunyai tanggungjawab dalam menguruskan Muzium Diraja serta memelihara koleksi yang ada. Menurut Patton (1980) ia menyatakan bahawa terdapat tiga kaedah temu bual di antaranya adalah temubual formal, temubual tidak formal dan temubual terbuka. Hal ini kerana, Menurut Merriam (1998) melalui penggunaan temubual berstruktur adalah bertujuan untuk mengumpul semua maklumat yang tepat seperti sosiodemografi, umur, pendapatan dan tahap Pendidikan. Manakala temubual separa berstruktur bersifat fleksibel dan hal ini membolehkan responden dapat menguraikan apa yang disoal oleh penyelidik.

Antara kaedah utama yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif melalui hasil temubual dan juga kaedah pemerhatian yang telah dijalankan. Melalui kaedah temubual, ia lebih dikenali sebagai

interview merupakan suatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih., temubual merupakan situasi di mana penemu bual akan menemukan seseorang responden secara bersemuka. Terdapat beberapa pihak yang telah memberikan kerjasama dalam aktiviti temu bual ini adalah, pegawai muzium dan pelawat yang datang ke situ. Tujuan ini dilakukan adalah untuk menghimpunkan segala maklumat yang diperolehi bagi memenuhi objektif kajian. Instrumen yang digunakan semasa kajian ini ialah senarai soalan yang ingin diajukan kepada secara terbuka dan rekod kan segala maklumat yang disampaikan secara lisan.

Dalam aktiviti temubual juga pengkaji akan meminta keizinan daripada Pihak Muzium untuk melakukan pemerhatian dan tinjauan terhadap sebarang artifak di dalam Muzium tersebut. Temubual ini akan dijalankan di sekitar kawasan kajian untuk memperoleh tindak balas daripada responden melalui pengetahuan umum yang mereka perolehi. Selebihnya ia akan dijadikan maklumat perolehan data dalam aktiviti temubual.



Rajah 3.4 Survei kajian Lapangan melalui temubual

3.3.3 Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan merupakan kaedah yang dijalankan dalam mengumpulkan maklumat melalui hasil bacaan ilmiah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kaedah bertulis ini dibahagikan melalui jurnal, artikel, media cetak dan sebagainya. Untuk mendapatkan maklumat ataupun data yang banyak berkaitan dengan muzium kaedah tersebut telah digunakan sepanjang menghasilkan laporan ini. Pengkaji juga menggunakan beberapa kaedah bacaan yang mana hasil penulisan artikel dan keratan akhbar telah dijadikan panduan sepenuhnya. Pengkaji juga menggunakan artikel yang mempunyai kaitan dengan pemasaran di dalam aktiviti pameran di Muzium dan mendapat sedikit sebanyak gambaran awal mengenai kajian yang telah dijalankan ini.

Tujuan ini dilakukan juga adalah untuk mendapat sumber bahan rujukan melalui bahan bercetak seperti buku-buku rujukan serta kajian lepas di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan serta UMK Repository. Penyelidik juga telah menggunakan akses sebagai seorang pelajar di university ini menggunakan secara optimum terhadap kemudahan yang telah disediakan oleh perpustakaan ini bagi meminjam segala bahan rujukan untuk kajian

Penggunaan kajian lepas sangat penting untuk dijadikan sebagai bahan rujukan melalui penulisan artikel dan jurnal yang secara tidak langsung mempunyai kaitan dengan kajian ini. Melalui kaedah ini ia

sedikit sebanyak memberikan maklumat dalam pencarian fungsi pemasaran terhadap pameran yang dijalankan. Fungsi pemasaran pameran terhadap koleksi kurang mendapat sambutan daripada orang ramai. Pengkaji ingin mengetahui cara yang terbaik dalam mempromosikan aktiviti pemasaran terhadap masyarakat. Sesetengah muzium menggunakan cara yang berbeza untuk menghasilkan keuntungan. Terdapat beberapa jenis pemasaran yang dikhususkan untuk mempromosikan pameran.

Akhir sekali, melalui kaedah pembacaan ini ia sangat membantu serta mendorong pengkaji untuk mendapatkan lebih lagi maklumat tambahan mengenai jenis pemasaran yang perlu dilakukan terhadap pameran koleksi di Muzium. Meskipun begitu, maklumat ini perlulah melalui kajian yang kukuh untuk dijadikan sebagai bahan penulisan yang mana pengkaji yakin dengan bahan bacaan ini mampu memberikan impak yang sangat besar dalam kajian ini.

3.4 Persampelan Kajian

Persampelan kajian adalah melalui sumber maklumat yang telah diperoleh berdasarkan kepada objektif kajian yang bersesuaian dalam pengumpulan data. Sampel kajian ini telah digunakan di sekitar Muzium Diraja Negeri Kedah melalui responden secara rawak dan juga pengawal yang berada di situ. Persampelan ini adalah mempunyai kaitan dengan pemilihan responden berdasarkan kepada pelawat yang datang di situ.

No	Nama	Umur	Pekerjaan	Tarikh Temubual
1	Pn. Rahimah binti Mat	45	Unit Konservasi dan Monumen	10 September 2021
2	Hj Rohaizad bin Rashid	50	Pengawal Muzium	15 Disember 2021
3	Ku Amir bin Ku Zaidi	24	Pelajar	10 November 2021

Jadual 3.5: Persampelan dapatan kajian

Sumber: Kajian Lapangan 2021

3.4.1 Sumber Sekunder

Sumber data sekunder adalah data yang telah diperoleh hasil daripada kajian lepas melalui Marican (2005). Pada permulaannya data dikumpul terlebih dahulu melalui artikel yang mempunyai kaitan dengan tajuk. Data-data tersebut dikumpulkan kerana ia relevan dan sesuai dengan tajuk. Tujuan ini dilakukan adalah untuk mendapat jawapan mengenai persoalan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji. Sebagai contohnya, pengkaji memperoleh data melalui dokumen awam, arkib, artikel dan banyak lagi yang mana ia mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini. Segala bahan terbitan yang telah dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji lain juga turut digunakan dalam menyelesaikan segala masalah yang telah timbul. Manakala, penggunaan sumber sekunder ini sangat penting kepada pengkaji dalam mendapatkan idea hasil daripada

bacaan artikel yang lepas. Dalam penulisan ini juga pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah iaitu kaedah perpustakaan melalui sumber internet, kajian terdahulu, artikel dan buku ilmiah.

3.4.2 Sumber Primer

Pemerolehan data primer merupakan hasil data daripada sumber bahan asli melalui persoalan kajian melalui Yusof (2003). Selain itu juga, semua data primer ini dikumpul sendiri oleh pengkaji untuk mendapatkan hipotesis dalam kajian ini. Data tersebut boleh diperolehi melalui pengumpulan data primer iaitu pengumpulan secara pasif dan aktif dan ianya terbahagi kepada dua kaedah. Kaedah yang pertama adalah temu bual secara langsung iaitu dilakukan dengan cara bersemuka melalui responden dengan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang lengkap. Terlebih dahulu pengkaji akan menyediakan beberapa soalan sebelum menjalankan aktiviti menemu ramah responden. Manakala yang kedua adalah kaedah menemu ramah secara tidak langsung. Melalui kaedah ini pengkaji akan menggunakan *platform google form* untuk menanyakan soalan yang berkaitan dengan kajian ini.

MALAYSIA

KELANTAN

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian adalah salah satu alat yang telah digunakan oleh seseorang individu dalam menjalankan sesuatu kajian. Instrumen kajian juga mempunyai kaitan dengan soalan-soalan ataupun pernyataan yang telah dibentuk khas untuk memperolehi maklumat semasa kajian (Norhayati, 2011). Instrument ini telah digunakan sebagai suatu asas dalam memperoleh data seperti yang dikehendaki oleh penyelidik dalam mendapatkan data bagi mencapai objektif kajian. Penggunaan instrumen ini bertujuan, untuk memudahkan pengkaji semasa menjalankan kajian dalam memungut data bagi memastikan objektif kajian tercapai. Menurut Noraini Idris (2010), penyelidikan ini adalah melibatkan pengumpulan hasil data. Ini kerana, data merupakan maklumat demografi seperti umur, jantina, etnik dan agama. Hasil tersebut boleh diperolehi dalam bentuk apa jua cara seperti temubual dan mengedarkan borang soal selidik.

3.5.1 Kamera



Menurut Sulaiman 2014, kamera adalah alat optik yang mampu merakam dan menyimpan segala imej serta boleh dipindahkan ke peranti yang lain. Kamera adalah alat yang berkesan untuk digunakan merekod segala pergerakan “body language” responden dalam menjawab persoalan yang telah diajukan. Penggunaan kaedah kamera ini telah membuktikan bahawa pengkaji telah turun ke lapangan bukti daripada responden untuk kaedah temubual dan pemerhatian. Melalui

kajian ini, pengkaji telah mengambil beberapa foto serta rakaman yang berkaitan dengan kajian semasa menjalankan kajian lapangan. Melalui foto dan video ini, ia dapat lagi menguatkan maklumat yang diperolehi sebagai bahan bukti yang akan diletakkan di dalam laporan bersamaan dengan penjelasan yang terperinci. Menurut Burn (1995) kategori pengkodean harus dibangunkan apabila pengumpulan data pertama dilakukan. Hal ini kerana, pengkodan sangat membantu penyelidik untuk memahami maklumat yang diperolehi serta dapat menjadi panduan kepada apakah yang harus diberi fokus kepada maklumat tersebut. Menurut Miles dan Huberman (1984) ia mengatakan bahawa pengkodan bukanlah sesuatu data yang telah siap sedia dianalisis tetapi ia memerlukan proses pengumpulan data. Oleh sebab itu, penkodan merupakan satu bentuk analisis yang berpanjangan dalam kajian supaya sentiasa memperolehi maklumat yang banyak. Melalui kajian yang telah dijalankan, segala maklumat perlu diambil sebagai bahan bukti maklumat itu diperolehi oleh pengkaji. Seperti gambar, rakaman video dan sebagainya

3.5.2 Catatan

Penggunaan kaedah catatan melalui secara lisan hasil dari temubual serta pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji akan dicatatkan di dalam buku nota. Melalui kaedah ini, pengkaji akan dapat melakukan kaedah pendokumentasian serta menganalisis data yang diperolehi dengan mudah tanpa perlu mencari segala maklumat di

tempat lain. Kaedah catatan ini telah membantu pengkaji untuk menyimpan maklumat yang telah diperolehi semasa kaedah temubual di Kawasan kajian. Catatan ini sedikit sebanyak dibantu oleh pelawat random yang telah dipilih serta Pegawai penjaga Muzium Diraja Negeri Kedah.



Rajah 3.6 Survei Kajian Lapangan melalui kaedah catatan

(Sumber: Kajian Lapangan pada 10 November 2021)

3.6 Analisis Data

Analisis data merupakan kaedah yang digunakan semasa proses penyelidikan telah ditentukan oleh pengkaji. Dalam penyelidikan sosial seperti ini, kategori penyelidikan melalui dua bahagian iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif serta kaedah analisis data yang telah digunakan. Menurut Merriam (1998) beliau menyatakan bahawa pemerolehan maklumat dan analisis merupakan salah satu aktiviti yang telah dijalankan secara serentak dalam kajian kualitatif. Analisis yang diambil pada temubual pertama melalui kaedah pemerhatian dan sebagainya. Analisis data telah dijalankan secara berterusan semasa sepanjang masa kajian yang telah dijalankan.

Bil	Persoalan kajian	Kaedah analisis data
1	Bagaimanakah pelan strategi pemasaran pameran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium	Temubual
2	Apakah jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah	Temubual
3	Adakah kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat mengenai fungsi koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Negeri Kedah	Temubual dan Pemerhatian

Rajah 3.7 Kaedah analisis data

Sumber: Kajian Lapangan 2021

3.7 Rumusan bab

Kesimpulannya, kaedah-kaedah metodologi yang telah digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan penyelidikan dapat sedikit sebanyak membantu pengkaji bagi melengkapkan kajian ini. Pengkaji juga telah memperoleh maklumat secara ilmiah dan berguna untuk menyelesaikan kajian ini. Pengkaji juga telah berusaha untuk memastikan kajian yang dijalankan ini dapat mencapai objektif yang digariskan. Jika segala maklumat tidak diperolehi dengan banyak, maka hasil kajian ini akan menjadi kekurangan idea fakta yang betul. Oleh sebab itulah, kajian perlu dijalankan dengan betul untuk memperoleh segala ilmu yang belum diketahui menjadi sesuatu benda yang baharu, yang mana ia perlu dipelajari dan menyampaikan kepada orang ramai.

Secara umumnya, metodologi kajian yang telah diguna pakai seharusnya mempunyai Teknik yang berkesan dalam pada masa yang sama ia dapat menghasilkan kajian yang sempurna dari segi faktanya. Hal ini sangat bermakna projek penyelidikan ini dijalankan. Melalui kajian ini, pengkaji dapat merumuskan perbincangan yang dikaji lebih teliti serta mendalam dalam bab yang berikutnya.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab 4, pengkaji akan menerangkan hasil dapatan kajian serta analisis yang telah dijalankan secara terperinci mengenai objektif kajian. Hasil dapatan kajian yang dijalankan ini merupakan turutan daripada objektif kajian yang mana ia telah ditetapkan sebelum ini. Selain itu juga, penyelidik akan menerangkan serta membincangkan keseluruhan dapatan kajian yang diperolehi melalui instrumen kajian yang telah dirancang melalui bab tiga, iaitu aktiviti temubual secara atas talian melalui penggunaan WhatsApp dan Google Meet bagi melengkap kaedah kajian ini. Melalui bab ini, penyelidik akan memperlihatkan kaedah pengaplikasian strategi pemasaran yang telah digunakan sepanjang program pameran untuk meraih kedatangan pelawat yang banyak ke Muzium Diraja Negeri Kedah.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

4.2 Pelan strategi pemasaran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium

Penyelidikan pada kali ini akan menumpukan kepada teknik pemasaran yang telah dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium dalam sesuatu masa tertentu. Selain itu juga penubuhan strategik ini sangat membantu dalam pengaplikasian sesuatu media oleh pihak muzium untuk membantu para pelawat mencapai kaedah pemerhatian atau pembelajaran yang betul dan cepat. Manakala itu, penyelidik dapat menerangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai segala item atau perkara yang terdapat dalam pelan strategik pemasaran di Muzium Di Raja Negeri Kedah.


Penyelidik telah memfokuskan kepada teori pemasaran yang mana ia sangat berguna dan penting melalui produk, harga, promosi dan tempat. Menurut E. Jerome MCcharity's menyatakan bahawa pemasaran 4Ps ini telah mengetengahkan beberapa elemen produk seperti tempat yang mana ia perlu perancangan yang baik berdasarkan kepada pemasaran yang terbaik. Item yang pertama adalah promosi iaitu kaedah yang strategik untuk memainkan peranan penting. Pemasaran dalam bidang promosi merupakan salah satu bidang yang sangat luas yang mana ia telah menjurus kepada penubuhan salah satu strategi serta teknik komunikasi pemasaran dan dalam masa yang sama ia berada di satu ruang yang sama untuk mempromosikan produk tersebut. Sebagai contohnya, pengiklanan, tawaran istimewa dan promosi jualan. Hal ini kerana, saluran yang

digunakan ini perlulah bersesuaian dengan sesuatu produk yang hendak dipasarkan berdasarkan kepada harga dan kehendak pengguna.

Strategi yang seterusnya adalah Harga, menurut Martin (2014), harga merupakan input yang sangat besar yang digunakan dan perlu dibayar terhadap sesuatu produk ataupun perkhidmatan yang telah dipasarkan. Walaubagaimanapun, sebuah pengawalan harga bagi produk ini melibatkan harga jualan secara langsung yang mana ia akan memberi pengaruh harga tersebut terhadap sesuatu nilai penjualan. Perkara tersebut dapat dikaitkan dengan kelebihan, keunikan, serta nilai sebuah produk. Penelitian ini merangkumi kepada produk yang dijual sekiranya produk yang hendak dijual itu tinggi ataupun rendah dan terdapat pengawalan sesuatu harga yang mana ia turut bergantung kepada kehendak dan jumlah pasaran yang hendak menjual. Hal ini kerana, setiap produk tersebut mempunyai harga yang sesuai tetapi ia bergantung kepada pengguna sama ada ia mahal ataupun murah ia juga perlu terus kekal dipasaran. Disebabkan itulah harga juga merupakan penanda aras dalam aktiviti pengurusan produk.

Item yang seterusnya adalah tempat (place), menurut penulisan Martin (2014), ada menyatakan bahawa tempat juga mempunyai kaitan dengan produk yang mana ia merupakan kawasan untuk menempatkan produk untuk menjalankan pameran dan sebagainya. Strategi penempatan ini turut membantu di dalam menilai saluran yang sesuai ataupun tidak di dalam memasarkan produk dan produk ini akan diakses terlebih dahulu oleh pengguna yang berpandukan kepada strategi promosi yang berkesan.

Menurut Kotler (2000), teknik dan strategik yang berkesan adalah berdasarkan kepada sesuatu produk. Menurut Patrick J. Boylan (2004), produk dapat dijalankan aktiviti tawaran yang mana ia akan ditawarkan kepada pengguna yang lain melalui aktiviti pertukaran pasaran. Di sini dapat dilihat bahawa perkhidmatan ini dapat memenuhi keperluan pasaran serta kehendak pengguna di luar sana.




Rajah 4.1: Pemasaran 4Ps (Marketing Mix 4Ps)

**4.2.1 Statistik jumlah pelawat Muzium Di Raja Negeri Kedah pada bulan
Ogos – Disember 2008**

BULAN	INDIVIDU	KUMPULAN	PELANCONG	JUMLAH
Ogos	779	20(1,329)	36	2,144
September	377	1 (36)	28	441
Oktober	422	28 (1,441)	20	1,883
November	690	28 (1,462)	83	2,235
Disember	1,092	6 (146)	140	1,378
JUMLAH KESELURU HAN	3,360	83 (4,414)	307	8,081

Rajah 4.2 Jadual Statistik Jumlah Pelawat


(Sumber: Kajian Lapangan pada 18 November 2021)



Rajah 4.3 Data Survei Kajian Lapangan pada bulan Ogos

(Sumber: Kajian Lapangan pada 18 November 2021)


Hasil kajian menunjukkan data bagi bulan Ogos 2008 bagi jumlah pelawat yang datang ke Muzium Di Raja Negeri Kedah pada bulan tersebut. Terdapat tiga kategori pelawat yang berkunjung ke situ. Jumlah pelawat kategori secara individu adalah sebanyak 779 orang bersamaan dengan 36%, manakala kategori secara kumpulan adalah sebanyak 1,329 orang bersamaan dengan 62% dan kategori pelancong masing-masing sebanyak 36 orang bersamaan dengan 2%. Jumlah keseluruhan pelawat pada bulan Ogos adalah sebanyak 2,144 orang.



Rajah 4.4 Data Survei Kajian Lapangan pada bulan September

(Sumber: Kajian Lapangan pada 18 November 2021)


Hasil kajian menunjukkan data bagi bulan September 2008 bagi jumlah pelawat yang datang ke Muzium Di Raja Negeri Kedah pada bulan tersebut. Terdapat tiga kategori pelawat yang berkunjung ke situ. Jumlah pelawat kategori secara individu adalah sebanyak 377 orang bersamaan dengan 86%, manakala kategori secara kumpulan adalah sebanyak 36 orang bersamaan dengan 8% dan kategori pelancong masing-masing sebanyak 28 orang bersamaan dengan 6%. Jumlah keseluruhan pelawat pada bulan September adalah sebanyak 441 orang.



Rajah 4.5 Data Survei Kajian Lapangan pada bulan Oktober

(Sumber: Kajian Lapangan pada 18 November 2021)


Hasil kajian menunjukkan data bagi bulan Oktober 2008 bagi jumlah pelawat yang datang ke Muzium Di Raja Negeri Kedah pada bulan tersebut. Terdapat tiga kategori pelawat yang berkunjung ke situ. Jumlah pelawat kategori secara individu adalah sebanyak 422 orang bersamaan dengan 22%, manakala kategori secara kumpulan adalah sebanyak 1,441 orang bersamaan dengan 77% dan kategori pelancong masing-masing sebanyak 20 orang bersamaan dengan 1%. Jumlah keseluruhan pelawat pada bulan September adalah sebanyak 1,883 orang.



Rajah 4.6 Data Survei Kajian Lapangan pada bulan November

(Sumber: Kajian Lapangan pada 18 November 2021)


Hasil kajian menunjukkan data bagi bulan November 2008 bagi jumlah pelawat yang datang ke Muzium Di Raja Negeri Kedah pada bulan tersebut. Terdapat tiga kategori pelawat yang berkunjung ke situ. Jumlah pelawat kategori secara individu adalah sebanyak 690 orang bersamaan dengan 31%, manakala kategori secara kumpulan adalah sebanyak 1,462 orang bersamaan dengan 65% dan kategori pelancong masing-masing sebanyak 83 orang bersamaan dengan 4%. Jumlah keseluruhan pelawat pada bulan September adalah sebanyak 2,235 orang.



Rajah 4.7 Data Survei Kajian Lapangan pada bulan Disember

(Sumber: Kajian Lapangan pada 18 November 2021)

Hasil kajian menunjukkan data bagi bulan Disember 2008 bagi jumlah pelawat yang datang ke Muzium Di Raja Negeri Kedah pada bulan tersebut. Terdapat tiga kategori pelawat yang berkunjung ke situ. Jumlah pelawat kategori secara individu adalah sebanyak 1,092 orang bersamaan dengan 79%, manakala kategori secara kumpulan adalah sebanyak 146 orang bersamaan dengan 11% dan kategori pelancong masing-masing sebanyak 140 orang bersamaan dengan 10%. Jumlah keseluruhan pelawat pada bulan September adalah sebanyak 1,378 orang.



Rajah 4.8 Carta Jumlah Keseluruhan Pelawat

(Sumber: Kajian Lapangan pada 18 November 2021)

Hasil kajian menunjukkan data pada bulan Ogos, September, Oktober, November dan Disember pada tahun 2008 bagi jumlah pelawat yang datang ke Muzium Di Raja Negeri Kedah mengikut kategori seperti individu, kumpulan dan pelancongan. Jumlah kedatangan pelawat secara individu pada bulan Ogos adalah sebanyak 779 bersamaan dengan 36%, pada bulan September adalah sebanyak 377 orang bersamaan dengan 86% di mana jumlah kedatangan pelawat menurun. Pada bulan Oktober, November dan Disember jumlah pelawat masing-masing meningkat kepada 422 orang bersamaan dengan 22%, 690 orang bersamaan dengan 31% dan 1,092 orang bersamaan dengan 79%. Manakala jumlah keseluruhan pelawat datang secara individu pada lima bulan berturut-turut adalah 3,360 bersamaan dengan 100%.

Selain itu juga, jumlah kedatangan pelawat secara berkumpulan pada bulan Ogos, adalah sebanyak 1,329 orang bersamaan dengan

62% dan menurun kepada 36 orang bersamaan dengan 8 % pada bulan September. Jumlah meningkat kembali pada bulan Oktober sebanyak 1,441 orang bersamaan dengan 77% dan Kembali menurun pada bulan November dan Disember dengan masing-masing sebanyak 1,46 orang bersamaan dengan 65% dan 146 orang bersamaan dengan 11 %. Manakala jumlah keseluruhan pelawat datang secara kumpulan pada lima bulan berturut-turut adalah sebanyak 4,414 orang bersamaan dengan 100%.

Akhir sekali adalah, jumlah kedatangan pelawat melalui pelancong daripada luar pada bulan Ogos, adalah sebanyak 36 orang bersamaan dengan 2% dan meningkat kepada 28 orang bersamaan dengan 6 % pada bulan September. Jumlah kembali menurun pada bulan Oktober sebanyak 20 orang bersamaan dengan 1% dan meningkat kembali pada bulan November dan Disember dengan masing-masing sebanyak 83 orang bersamaan dengan 4% dan 140 orang bersamaan dengan 10 %. Manakala jumlah keseluruhan pelawat datang melalui kaedah pelancong pada lima bulan berturut-turut adalah sebanyak 307 orang bersamaan dengan 100%.

4.2.1.1 Produk

Melalui penyelidikan yang telah dilakukan terhadap produk di Muzium Di Raja Negeri Kedah mendapati bahawa pameran yang telah dijalankan

tersebut telah berlandaskan kepada beberapa peringkat. Menurut, Wan Sabri Wan Hussin (2005) telah berpendapat bahawa pengurus telah dibahagikan kepada beberapa peringkat mengikut kepada pengkhususan mereka antaranya pengurusan atasan, pertengahan dan bawahan. Hal ini kerana, pengurusan atasan merupakan pengurusan yang tertinggi di dalam sesebuah organisasi dalam menjalankan segala objektif yang telah ditetapkan di Muzium Di Raja Negeri Kedah. Bagi melengkapkan segala misi dan visi penubuhan Muzium mereka memerlukan pengurusan peringkat bawahan dan peringkat pertengahan. Hal ini kerana peringkat pertengahan ini sangat penting kerana mereka perlu berhubung dengan agensi lain dalam menjayakan sesuatu program terutama sekali melalui pelaksanaan polisi, strategik dan dasar yang telah ditetapkan di peringkat atasan. Manakala, peringkat bawahan ia lebih menjurus kepada menyelia serta menyelaraskan pekerja agar berjalan dengan lebih lancar seperti mana yang telah ditetapkan oleh peringkat atasan dan peringkat pertengahan. Hasil daripada temubual bersama dengan Pn. Rahimah iaitu unit konservasi dan Monumen (Komunikasi peribadi, 10 september, 2021) telah menyatakan bahawa pengurusan atasan ini selalunya mengendalikan keputusan yang sangat penting dari segi pameran, kertas kerja, dan penyelenggaraan bangunan yang mana ia sangat ditekankan oleh pengurusan atasan. Hal ini kerana, segala keputusan akan dilakukan oleh pengarah muzium itu sendiri. Menurut beliau juga, bukan kesemua keputusan akan dikawal sepenuhnya dan disediakan oleh pengurusan atasan. Pelaksanaan ini dilakukan adalah untuk menambahkan lagi mutu

sebuah muzium yang dirasakan bagi menjaga, memelihara, memulihara dan menggumpal.



Rajah 4.9 Koleksi tembaga, perak dan gangsa yang dipamerkan di Muzium Diraja Negeri Kedah

(Sumber kajian lapangan pada 18 November 2021)

Selain itu juga, koleksi yang dipaparkan di muzium bertujuan untuk memberikan yang terbaik kepada muzium melalui kaedah pengurusan yang baik terhadap koleksi berdasarkan kepada jumlah kedatangan pengunjung di dalam masa tertentu. Segala pameran yang dilakukan ini perlulah lebih efektif dan efisien. Melalui hasil temubual bersama dengan Pn. Rahimah iaitu unit konservasi dan Monumen (Komunikasi peribadi, 10 september, 2021), setiap pameran yang telah dijalankan di Muzium Diraja Negeri Kedah telah mempengaruhi segala perancangan awal yang telah dijadwalkan dengan teliti dan benar. Hal ini dapat disimpulkan bahawa segala pameran berdurasi sementara berkemungkinan juga ia akan memakan waktu yang agak lama untuk menjalankan kerja-kerja seperti mengumpul maklumat, memperoleh maklumat hasil daripada pembacaan ilmiah yang boleh dikatakan

sebagai penyelidikan berpanjangan. Pameran yang telah dilaksanakan pada masa sekarang telah direkodkan, yang mana Jabatan Hal Ehwal Kuratorial telah bertanggung jawab secara penuh ke atasnya. Terdapat beberapa jenis produk/artifak yang telah menjadi sektor utama semasa aktiviti pameran dan ia menjurus kepada suatu pembentukan dalam aktiviti pameran. Sebagai contohnya, terdapat beberapa jenis koleksi muzium Diraja yang terdiri daripada koleksi tekstil, koleksi senjata, koleksi perak, tembaga dan gangsa, koleksi manuskrip, koleksi perabot, koleksi kenderaan, koleksi tembikar, dan kaca serta koleksi barang kemas dan perhiasan.



Rajah 4.10 Menunjukkan tembikar yang telah dipaparkan di Muzium diraja Negeri Kedah

Sumber: hasil temubual bersama Pn. Rahimah

4.2.1.2 Harga

Kadar umur	Harga yang ditetapkan
Enam (6) tahun kebawah	Percuma
Tujuh (7) tahun sehingga ke peringkat Universiti (IPTA/IPTS)	Percuma
Dewasa	percuma
Warga emas	Percuma
Media/ wartawan	Percuma



Rajah 4.11 Jadual kadar umur dan Harga

Sumber: hasil temubual bersama Pn. Rahimah

Selain itu juga, produk atau koleksi yang telah dipaparkan di muzium lebih dikenali sebagai pameran secara berterusan yang mana ia akan melibatkan harga. Setiap koleksi di muzium telah diselaraskan harga masing-masing berikutan dengan kehendak pelanggan. Hal ini kerana, Muzium Diraja Negeri Kedah telah menyediakan lawatan secara percuma kepada semua golongan.



Berikut merupakan jadual 4.5

Setiap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak muzium telah berlandaskan kepada penetapan harga oleh Jabatan Penjualan. Hal ini kerana, pihak muzium diraja negeri kedah telah menyediakan perkhidmatan lawatan secara percuma kepada semua golongan dan hal ini sangat mudah bagi semua orang untuk melihat segala jenis warisan dahulu kala. Melalui hasil temubual bersama dengan Pn. Rahimah iaitu unit konservasi dan Monumen (Komunikasi peribadi, 10 september, 2021), tiada sebarang cas dikenakan kepada pengunjung kerana tujuan mereka adalah untuk mempamerkan warisan dahulu supaya orang ramai dapat melihatnya. Menurut, Encik Khairul (pelawat awam) mereka dapat menikmati segala pameran yang di sediakan di Muzium Di Raja Negeri Kedah melalui kaedah-kaedah yang telah diguna pakai dalam pembinaan sesuatu pameran serta konsep yang menarik dalam menarik minat pengunjung untuk melawat dari segi kaedah kemasukan percuma, tempat yang tidak membosankan mereka dan menyebabkan mereka boleh berkunjung lagi berulang kali pada masa akan datang.


4.2.1.3 Tempat


Lokasi Muzium Di Raja Negeri Kedah, merupakan lokasi yang sangat strategik kerana ia juga setanding dengan muzium-muzium yang lain yang mana ia juga berhampiran dengan bangunan warisan yang lain. Muzium Diraja Negeri Kedah berhadapan dengan Masjid

Zahir, balai seni dan juga bangunan warisan yang lain. Ruangan dan kawasan ia sangat selesa dan tersusun dengan lebih teratur walaupun sudah lama ia dibangunkan. Selain itu juga, ruang atau tempat yang ada merupakan kawasan yang sangat dititikberatkan. Menurut temubual Rahimah, muzium diraja negeri kedah pernah dijalankan aktiviti konservasi dan pengubahsuaian galeri pameran yang mana ia telah dijalankan pada tahun 2000. Menurut beliau, pihak Muzium Negeri Kedah telah pon berjaya dalam permohonan kepada Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia, ini kerana jumlah pengubahsuaian ini telah dianggarkan sebanyak RM 2 juta. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang berlaku melalui pengumpulan maklumat dan bahan pameran yang menyebabkan bangunan ini terpaksa ditutup hampir 9 tahun. Setelah aktiviti pengubahsuaian ini dilakukan pada beberapa bahagian-bahagian tertentu yang masih lagi belum siap, pada 1 Ogos 2008 Muzium Di Raja Kembali beroperasi kepada orang awam.



- M) Bilik Mesyuarat
- N) Pejabat
- O) Verandah
- P) Bilik Peraduan
- Q) Bilik Kelahiran Tunku Abdul Rahman
- R) Setor/ Pejabat Sementara
- S) Audio Visual
- T) Koleksi Diraja
- U) Replika Pelamin





- V) Reception
- W) Sejarah Istana Pelamin
- X) TV Screen
- Y) Salasilah Kesultanan Keddah
- Z) Infokiosk

Rajah 4.12: Lakaran Ruangan Pelan Lantai Mengenai Jenis-jenis koleksi yang dipaparkan

(Sumber daripada temubual Pn. Rahimah 2021)

Galeri pameran ini telah dibahagikan kepada 26 bahagian yang mana setiap ruangan tersebut memaparkan koleksi mengikut susunan. Menurut Rahimah, ruangan koleksi ini memudahkan para pelawat untuk melihat koleksi yang telah dipaparkan dan turut serta memberikan pemahaman mengenai kedudukan koleksi yang paling hampir dengan koleksi lain. Ciri-ciri pada binaan istana ini juga seperti rumah Melayu iaitu terdapat beberapa pembahagian ruang di antara kaum lelaki dan perempuan. Selain itu juga, bahagian ini terdapat anjung di mana ia digunakan sebagai laluan sultan ke balai besar, manakala bahagian yang lebih rendah dikhususkan kepada orang perempuan. Seterusnya, bahagian anjung ini juga menjadi pintu masuk utama ke galeri yang baru dibina dengan bahagian lama. Tujuan anjung ini dibuat adalah khusus untuk DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada tahun 1903 yang


mana ia digunakan untuk persediaan bagi majlis perkahwinan putera dan puteri baginda pada tahun 1904. Bahagian ini juga telah menceritakan tentang sejarah bangunan muzium di Raja serta sejarah kesultanan negeri kedah. Di bahagian ini juga terdapat satu replica pelamin perkahwinan pada tahun 1904. Replica ini hampir sama dengan reka bentuk asal pelamin di raja pada tahun 1904. Manakala di belakang bilik ini juga terdapat dua buah bilik, di mana ia terdiri daripada bilik beradu pengantin dan satu lagi bilik yang pernah digunakan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Ketika beliau tinggal di istana.



Rajah 4.13 Merupakan pemandangan bilik beradu pengantin

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Bahagian yang seterusnya adalah ruang yang paling rendah di dalam istana dan ia berfungsi untuk kaum perempuan. Manakala bahagian ini juga turut mempamerkan barangan perak serta tembaga koleksi milik DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Kerabat di Raja Kedah.



Rajah 4.14 Menunjukkan ruang pameran koleksi perak, tembaga dan gangsa serta Kerusi dan meja milik kerabat diraja kedah

(Sumber: Kajian Lapangan 2021)

Selain itu terdapat juga ruang yang paling tinggi dan ia telah dikhususkan kepada baginda sultan. Ruang ini juga telah digunakan untuk meletakkan replica peralatan nobat, pinggan mangkuk daripada istana anak bukit serta koleksi pingat dan kalung milik sultan abdul hamid halim shah. Di muzium diraja telah dibahagikan kepada beberapa bilik yang mana ia telah memamerkan segala maklumat dan koleksi yang mempunyai kaitan dengan sultan abdul hamid halim shah, sultan badlishah dan kdymm tunku sultan abdul halim mu'adzam shah. Terdapat juga yang mempamerkan koleksi senjata di raja.



Rajah 4.15 Menunjukkan replika pelamin perkahwinan 1904

(Sumber: Kajian Lapangan 2021)

Ruang ini merupakan terdapat sebuah replica pelamin perkahwinan pada tahun 1904. Pada tahun 1904, terdapat lima orang putera dan puteri sultan yang paling tua, dua orang putera dan tiga orang puteri daripada isteri yang berlainan telah mencapai usia yang sesuai untuk berkahwin dan terdiri daripada ytm tunku ibrahim (tunku sulong), ytm tunku zainol rashid (tunku dai), ytm tunku zam zam (tunku pok), ytm tunku rokoh dan ytm tunku jora. Persediaan untuk majlis perkahwinan ini telah bermula sejak tahun 1903 dimulakan dengan pengubahsuaian ruang untuk pelamin (bahagian ini kemudiannya dikenali sebagai rumah pelamin). Buat pertama kali simen, bata dan marmar dari pulau langkawi (tangga) digunakan sebagai bahan binaan termasuk reka bentuk gaya british juga ditambah pada seni bina istana ini. Namun rekabentuk senibinanya masih mengikut senibina negeri kedah. Dalam pembinaan

rumah pelamin, buruh-buruh cina digunakan. Cara binaan serta bahan-bahan yang digunakan untuk pembinaan rumah pelamin mempunyai persamaan dengan balai besar. Besar kemungkinan orang yang terlibat dalam pembinaan balai besar juga turut terlibat dalam perancangan pembinaan rumah pelamin. Bumbung-bumbung di rumah pelamin terdiri daripada jenis bumbung panjang dan bumbung lima dan beratapkan genting. Bermula dengan perkahwinan bersejarah 1904, istana ini kemudiannya dikenali sebagai Rumah Pelamin atau Istana Pelamin kerana banyak majlis perkahwinan diadakan di sini. Pada tahun yang sama juga, selepas istiadat perkahwinan diraja tersebut, Sultan Abdul Hamid dan bondanya, Paduka Bonda Wan Hajar binti Wan Ismail bersemayam di bahagian tengah istana ini.



Rajah 4.16 Songkok Sultan Abdul Hamid Halim Shah


(Sumber : Kajian Lapangan 2021)

Ruang yang seterusnya adalah koleksi yang dipamerkan iaitu songkok Sultan Abdul Hamid Halim Shah. pada tahun 1882 DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah telah dilantik sebagai pemerintah Kedah oleh Raja Siam. Hal ini berlaku kerana terdapat beberapa perbalahan yang telah terjadi disebabkan oleh pewarisan takhta kerajaan kedah setelah kemangkatan Almarhum Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah Ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.

4.2.1.4 Promosi


Seterusnya adalah strategik daripada kaedah promosi, yang mana dalam setiap bidang mana sekali pun, promosi merupakan titik penerus kepada dalam sesuatu projek untuk menjayakan sesebuah pameran yang telah dianjurkan oleh pihak muzium iaitu Muzium Diraja Negeri Kedah. Jabatan Pemasaran & Festival bertujuan untuk merangka hasil kerja untuk mengadakan promosi pada masa akan datang. Keseluruhannya, promosi tersebut diadakan melalui muzium lebih tertumpu melalui laman sesawang rasmi muzium itu sendiri dan ia adalah platform untuk mehebohkan lagi mengenai Muzium dan pameran yang diadakan. Menurut Rahimah media sosial melalui Instagram, Facebook dan Twitter adalah satu platform yang digunakan pada masa sekarang yang mana, di situ terdapat pelbagai maklumat pameran serta orang ramai boleh menyertainya walaupun di mana mereka berada.

Dalam masa yang sama juga, laman sesawang merupakan satu alat media komunikasi yang mana ia bertujuan untuk mencapai tahap kunjungan pelawat di atas talian yang telah dilakukan secara meluas seperti di muzium, galeri, institusi dan intelektual.



Rajah 4.17: Merupakan promosi yang dijalankan di Muzium Diraja

Sumber: Kajian Lapangan 2021



Rajah 4.18 merupakan aliran proses penjaanaan ilmu melalui Pendidikan Muzium

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Selain itu muzium diraja kedah telah menggunakan media sosial dan lama sesawang yang boleh dilihat secara maya oleh semua pengguna. Hal ini kerana penggunaan ini sangat lah mudah kerana kita dapat melayarinya dengan menggunakan telefon bimbit ataupun computer peribadi. Selain itu juga ia telah membuka laman web ini secara besaran supaya jumlah pengunjung yang datang melawat di web site semakin meningkat dari masa ke semasa. Melalui kolaborasi yang dijalankan ia merupakan salah satu teknik promosi yang sangat tepat disebabkan oleh pameran ini telah mempunyai keunikan yang patut diamati oleh setiap pelawat yang datang melawat.

Di sini juga terdapat jumlah pelawat muzium diraja negeri kedah yang bermula pada bulan Ogos hingga bulan Disember 2008. Muzium

Di Raja telah dibuka semula pada 1 Ogos 2008 setelah ia ditutup sejak tahun 2000 bagi menyiapkan kerja-kerja pemuliharaan bangunan serta pengubahsuaian galeri pameran. Peningkatan jumlah pelancong ke muzium disebabkan oleh pelbagai aktiviti yang telah dilakukan bagi menarik minat para pelancong untuk datang melawat.

4.3 Jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah

Aktiviti pameran adalah salah satu kegiatan yang dilakukan untuk mempamerkan seni yang terdapat pada koleksi dan juga mempunyai nilai yang tinggi. Ia juga bertujuan untuk ditontonkan kepada orang ramai supaya gagasan yang dibuat itu dapat meluas kepada pelbagai masyarakat melalui pameran koleksi yang telah dilakukan ini. Selain itu, aktiviti pameran ini merupakan salah satu alat komunikasi antara koleksi yang mempunyai kesenian dengan pelajar sekolah. Tujuan ini dilakukan adalah untuk memberikan mereka dapat berinteraksi ataupun mengapresiasi koleksi itu dalam proses pembelajaran. Manakala, menurut Ardi Irwanti, pameran merupakan salah satu cara belajar dengan karya seni yang mempunyai dua dimensi atau tiga dimensi secara visual.

Seterusnya adalah pameran bergerak yang merupakan suatu pameran yang diselenggarakan dengan menggunakan suatu alat yang bergerak seperti (mobile) ataupun menggunakan van khas yang disediakan oleh muzium itu sendiri. Melalui temubual Rahimah Mat, pada tarikh 18/10/2021, beliau menyatakan bahawa pameran bergerak sering kali dilakukan sebelum ini. Kebanyakan mereka membawa beberapa koleksi untuk ditontonkan kepada para pelajar tetapi dengan menggunakan kaedah koleksi itu telah dimasukkan ke dalam balang kaca bagi tatapan para pelajar yang datang melawat. Menurut beliau lagi

jika koleksi yang ingin dipaparkan ini tidak dimasukkan ke dalam balang kemungkinan ia akan mengalami kerosakkan ataupun hilang. Hal ini kerana, melalui penjagaan yang betul terhadap koleksi ia sukar mengalami kerosakkan yang ketara.

Akhir sekali adalah pameran tertutup atau pameran tetap yang mana ia merupakan pameran yang berada di tempat penyelenggaraan ataupun di dalam muzium itu sendiri. Hal ini kerana, kebanyakan koleksi tidak dapat diubah begitu sahaja kerana sebarang proses pengubahan koleksi memerlukan banyak kakitangan dan jika terdapat proses peminjaman koleksi memerlukan mereka terpaksa mengisi surat peminjaman terlebih dahulu sebelum meminjam koleksi tersebut. Hasil temubual bersama Puan Rahimah Mat beliau ada mengatakan bahawa semua koleksi telah dipasarkan di dalam muzium ataupun dalam ruangan (indoor) dan tidak boleh dibawa keluar dengan sembarangan. Hal ini kerana demi menjaga jangka hayat koleksi pihak muzium terpaksa memasang lampu atau balang yang sesuai untuk koleksi ataupun artifak yang berada di muzium. Disebabkan itulah, sebarang koleksi yang hendak masuk ke dalam muzium, unit konservasi perlu melakukan aktiviti konservasi terlebih dahulu sebelum mempamerkan koleksi tersebut kepada pelawat yang akan datang,

4.4 Kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat mengenai fungsi Muzium Diraja Negeri Kedah

Mengikut kurator muzium Di Raja Negeri Kedah, setiap maklumat yang hendak dipamerkan perlulah disertakan dengan penerangan yang terperinci mengenai tentang siapa, untuk apa, daripada mana yang sangat penting sekali di dalam penulisan tersebut (Ryan, 2015). Dalam setiap Muzium ini mereka telah menonjolkan tema diraja yang mana, setiap pameran mempunyai peralatan di raja. Antara kaedah yang digunakan semasa penyampaian koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah kepada para pelawat adalah dengan menggunakan kaedah kapsyen atau label. Ia diletakkan berhampiran dengan artifak tersebut mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Hal ini kerana, piawaian itu telah ditetapkan dengan jelas melalui penggunaan tulisan seperti tulisan Times New Roman dan saiz sederhana yang membolehkan pengunjung membaca maklumat yang hendak disampaikan. Kapsyen digunakan untuk memberikan keterangan kepada sesuatu gambar atau barangan yang mana ia telah dipamerkan di muzium. Menurut temubual Rahimah mat pada 18/10/2021 beliau menyatakan bahawa, kaedah kapsyen ini digunakan secara ringkas sahaja dan tidak perlu panjang lebar terutamanya dari segi tatabahasa dan juga pemahamannya. Hal ini demikian kerana, jika pihak muzium menggunakan kaedah penulisan yang panjang maka pelawat atau sesiapa pun pasti akan merasa bosan terhadap sesuatu yang telah ditunjukkan. Sebagai contohnya, menurut beliau pihak Muzium Di Raja Negeri Kedah akan menggunakan

kaedah kapsyen dengan menulis pada satu koleksi hanya nama koleksi dan tahun sahaja. Dengan penulisan begini pelancong/ pelawat secara automatik akan memahaminya. Mereka akan menafsirkan dengan penulisan berikut terhadap pembacaan mereka yang sebelum ini. Kaedah ini sangat dititikberatkan oleh setiap muzium untuk memberikan penyampaian yang sangat berguna kepada para pelawat.

Komunikasi di muzium terdapat beberapa jenis yang telah digunakan dalam menyampaikan maklumat yang penting dan jelas kepada pengunjung. Menurut Harvard Business School Press (2006), penyampaian maklumat melalui komunikasi pasif yang melibatkan muzium seperti penggunaan media bercetak seperti brosur, risalah dan ia merupakan proses untuk menyampaikan maklumat melalui potongan kecil yang boleh dipaparkan dalam pelbagai bentuk, format serta warna dan bentuk yang berbeza. Menurut Aini. H.M (2002) ia merupakan komunikasi pasif yang melibatkan sebuah komunikasi sehalu sahaja. Melalui komunikasi secara aktif ia melibatkan komunikasi dua hala di mana ia melibatkan penerima dan penghantar di dalam proses menyampaikan maklumat. Di sini juga pelawat dapat memahami segala maklumat maksud yang diperjelaskan. Pengkaji dapat memahami bahawa komunikasi secara aktif perlu wujud di dalam organisasi muzium supaya maklumat dapat diberikan kepada para pelawat.

Menurut Jay. R (1999) melalui komunikasi secara interaktif ini telah wujud untuk menyokong segala maklumat yang disampaikan kepada pengunjung. Hal ini kerana, pihak muzium perlu memastikan bahawa setiap maklumat yang disampaikan dapat memberikan kesan yang berguna

kepada orang ramai untuk menambahkan idea serta memperjelaskan lagi maklumat tersebut. Menurut Ku Amir bin Ku Zaidi (pelawat secara rawak), beliau berpendapat bahawa komunikasi secara interaktif ini merupakan salah satu bentuk komunikasi yang sangat berkesan dalam aktiviti menyampaikan maklumat kepada para pengunjung. Pihak Muzium Diraja Negeri Kedah menggunakan kaedah komunikasi secara interaktif yang lancar serta mempunyai banyak idea semasa memberikan penerangan kepada para pelawat mengenai koleksi yang telah dipaparkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut temubual Rahimah mat pada 18/10/2021 beliau menyatakan bahawa percakapan ini mempunyai sambungan kepada kapsyen yang dibuat. Strategik ini dilakukan kerana, melalui perbentangan secara percakapan ini perlu mempunyai banyak pengetahuan semasa hendak menyampaikan iaitu 90 persen itu daripada pihak muzium itu sendiri. Yang 10 persen ini telah dipersembahkan melalui kapsyen tadi. Oleh sebab itulah, setiap pelawat terdiri daripada pelbagai umur dan kaum dan masing-masing mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam memahami sebuah pameran koleksi yang dipaparkan. Apabila mereka tidak memahami maksud penyampaian melalui koleksi yang dipamerkan mereka pasti akan menanyakan kepada pihak muzium yang mengurus oleh itu melalui kaedah inilah digunakan untuk memberikan keterangan kepada mereka. Selain itu, terdapat para pelajar yang datang untuk membuat kajian mengenai Muzium Diraja Negeri Kedah dan ini juga dapat berfungsi untuk berkongsi maklumat dengan banyak sekali dalam satu masa. Kesimpulannya, komunikasi secara interaktif ini sangat penting untuk

menyampaikan maklumat dengan lebih cepat serta memberikan kefahaman yang baik kepada pengunjung. Melalui komunikasi ini, pengunjung dapat tindak balas sekiranya tidak memahami maklumat yang disampaikan oleh pihak muzium.

Menurut Aini H.M (2002), terdapat medium atau kaedah yang digunakan dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada para pengunjung melalui dua kaedah dalam medium komunikasi iaitu media cetak dan juga medium elektronik. Hal ini kerana, media bercetak merupakan kaedah komunikasi yang sangat berkesan digunakan terutamanya dalam proses komunikasi sehala. Pengkaji turut berpendapat bahawa komunikasi massa merupakan satu bentuk media komunikasi dalam aktiviti penyampaian maklumat. Menurut Rahimah Mat dalam aktiviti temubual, media cetak ini merupakan salah satu daripada media massa semasa aktiviti penyampaian maklumat. Media bercetak ini terdiri daripada brosur, poster, risalah, majalah dan sebagainya. Menurut Ambrose.T (1990) sumber material seperti ini adalah medium ataupun dikenali sebagai saluran komunikasi dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada para pengunjung yang telah dibahagikan terutamanya kanak-kanak, para pelajar sekolah, pelajar university dan ibu bapa mengenai muzium serta artifak yang dipaparkan di dalam muzium ini melalui brosur dan alat media yg lainnya. Pengkaji bersetuju dengan pendapat pengkajian lepas mengenai kenyataan tersebut bahawa media cetak di dalam muzium bukan sahaja suratkhbar tetapi ia telah melibatkan beberapa media cetak yang lainnya. Secara keseluruhannya, media cetak adalah salah satu kaedah yang sangat berkesan dalam penyampaian

maklumat yang hendak diberikan kepada pelawat yang datang berkunjung ke Muzium serta dalam masa yang sama ia dapat menambahkan lagi pelawat pada masa akan datang. Dalam masa yang sama juga, pihak muzium perlu mengetengahkan cara yang sesuai untuk mempamerkan bahan bacaan bercetak ini beserta dengan artifak supaya pelawat dapat memahami segala maklumat yang hendak disampaikan.

Menurut Aini. H. M, (2002) menyatakan bahawa media elektronik adalah media massa yang telah digunakan dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada pelawat selepas media bercetak. Jika kita lihat pada masa kini di mana semakin hari semakin maju dengan perkembangan teknologi yang canggih dan terkini, yang sealiran dengan perkembangan teknologi negara-negara maju dengan kewujudan media bercetak dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada orang ramai. Pengkaji telah mengkaji kaedah ini iaitu media elektronik terdiri daripada beberapa bahan dan alat yang sentiasa menggunakan teknologi canggih. Sebagai media elektronik yang terkini terdiri daripada audio, visual, televisyen, computer serta blog yang mempunyai kaitan dengan pemasaran pameran produk. Menurut temubual Hj Rohaizad bin Rashid (15/12/2021), media elektronik adalah salah satu medium penyampaian maklumat yang berkesan di dalam sesebuah organisasi termasuklah muzium. Penyaluran segala maklumat kepada pelawat dapat dipermudahkan malah mereka dapat memahami segala jenis bentuk pameran yang dipamerkan di Muzium Di Raja Negeri Kedah. Oleh hal yang demikian, media elektronik sangatlah penting dalam menyalurkan segala maklumat yang berkaitan dengan koleksi yang ada di muzium. Media

elektronik juga sangatlah diminati oleh semua golongan. Tujuan ini sangat memudahkan mereka melihat bahan pameran yang dijalankan terutama sekali pameran yang dijalankan secara visual ataupun pameran secara maya. Pameran secara ini memudahkan mereka untuk meneroka segala jenis koleksi di mana-mana sahaja apabila mereka perlu. Media elektronik ini sangat memudahkan pengunjung untuk mengingati segala maklumat yang telah disampaikan. Segala ringkasnya, penggunaan kaedah media elektronik ini sangat dititikberatkan oleh semua golongan dan perlu diperkembangkan lagi daripada satu muzium ke muzium yang lain.

Teknik yang dilakukan pada peringkat yang seterusnya adalah melalui pengiklanan dengan promosi. Menurut Nik Yaacob N.R (1992) pengiklanan ini bermaksud satu perhubungan yang mengaitkan promosi secara tidak langsung di mana ia boleh dikategorikan sebagai teknik untuk mempromosikan barang kepada pihak umum. Oleh sebab itulah, ia bertujuan untuk mempromosikan, memperkenalkan serta meningkatkan penjualan melalui media massa tersebut. Menurut Rahimah Mat, peranan pengiklanan dalam aktiviti pemasaran adalah untuk mewujudkan jualan bagi mempromosikan artifak agar diketahui oleh orang ramai. Kaedah pengiklanan ini juga turut mendorong pengguna untuk memikirkan ataupun memberikan reaksi mengenai tahap pengeluaran yang dilakukan. Pihak muzium juga berperanan untuk membentuk suatu idea yang kreatif serta strategik untuk disasarkan kepada golongan tertentu. Jika teknik ini digunakan secara berterusan maka kaedah penyampaian yang hendak digunakan itu akan mendapat keputusan yang positif daripada masyarakat.

Melalui media pengiklanan ini mereka berpeluang untuk melihat harga serta produk yang ditawarkan. Masyarakat umum dapat menilai kelebihan teknik pengiklanan ini dapat memberikan kesenangan kepada mereka untuk mencari atau mengumpulkan artifak daripada rumah sahaja bagi mereka yang gemar menggupul artifak lama.

4.5 Kesimpulan


Berdasarkan kajian ini, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa hasil daripada temuramah yang telah dijalankan secara atas talian ini bersama dengan Pn. Rahimah iaitu Unit Konservasi dan Monumen telah menjawab objektif kajian pertama. Objektif kajian penyelidik yang pertama adalah mengenalpasti pelan strategi pemasaran pameran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium. Berdasarkan kepada objektif kajian pertama dapat dirumuskan bahawa segala platform atau medium yang digunakan dalam strategik yang digunakan dalam menarik pengunjung terdiri daripada empat strategik iaitu Produk, Promosi, Tempat dan Harga.

Selain itu, penyelidik telah mendapati bahawa setiap muzium mempunyai peranan yang tersendiri yang mana ia mempunyai potensi baharu dalam memajukan produk pelancongan yang merupakan sumber pendapatan ekonomi negara. Menurut, Abdul Rahman (2012), menyatakan bahawa pelancongan bukan hanya dijadikan sebagai hiburan tetapi ia adalah pelancongan melalui Pendidikan yang melatih diri dan sahsiah. Muzium juga


merupakan salah satu senarai pelancongan Pendidikan yang telah ditransformasikan untuk memainkan peranan tradisional kepada muzium kontemporari.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Melalui bab ini penyelidik akan menghuraikan rumusan kajian yang dilakukan secara keseluruhan yang mana penyelidik akan memaparkan beberapa cadangan yang boleh digunakan pada masa hadapan melalui kajian terhadap Muzium Diraja Negeri Kedah. Menerusi penyelidikan ini terhadap Muzium Diraja Negeri Kedah turut mengaplikasikan segala strategi pemasaran yang dilakukan terhadap muzium melalui pelbagai Teknik pameran dalam menarik para pelawat untuk melawat Muzium. Hal ini juga berkaitan dengan fokus kajian ini mengenai fungsi pemasaran pameran terhadap koleksi di muzium diraja negeri kedah.

5.2 Rumusan kajian

Kajian ini telah dijalankan berdasarkan kepada tiga objektif kajian iaitu Mengenalpasti pelan strategik pemasaran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah dalam menarik pengunjung ke Muzium, menganalisis jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah dan mengetahui kaedah penyampaian yang diberikan kepada pelawat mengenai fungsi koleksi yang terdapat di Muzium Diraja Negeri Kedah. Disebabkan oleh pandemik Covid 19 yang

telah terjadi sejak akhir-akhir ini ia tidak dapat memutuskan usaha penyelidikan dalam menjalankan kajian ini. Penyelidik dapat mencapai ketiga-tiga objektif kajian yang hendak dilakukan yang ia telah dinyatakan di dalam bab empat.

Melalui hasil kajian bagi objektif kajian yang pertama adalah mengenal pasti pelan strategik pemasaran yang dilaksanakan oleh Muzium Diraja Negeri Kedah. Bagi kaedah yang dijalankan ini penyelidik telah meneliti kaedah yang dilakukan melalui aktiviti pemasaran terhadap koleksi yang ada di muzium Diraja. Kaedah promosi sangat penting dalam menjayakan program untuk menarik pelawat datang ke muzium. Sebagai contohnya, pameran ini telah dijalankan di balai seni bersamaan dengan Angkatan pelukis kedah dan disertai oleh kanak-kanak ataupun pelajar sekolah. Dengan menggunakan kaedah ini, jumlah pelawat akan semakin menambah dari masa ke semasa. Malahan pihak muzium juga menggunakan sosial media dalam menarik minat pelawat melalui facebook, twitter dan sebagainya. Di dalam laman web juga mempunyai pelbagai senarai aktiviti yang telah dilakukan dan juga mereka menjalankan aktiviti pameran secara percuma kepada semua peringkat dan hal ini telah menyebabkan Muzium Diraja Negeri Kedah telah menerima jumlah kemasukan yang tinggi pada setiap tahun. Selain itu juga, disebabkan oleh Covid-19 yang melanda di Negara kita Muzium Diraja Negeri Kedah tidak beroperasi dan menyebabkan mereka mengalami penurunan kedatangan pelawat.

Objektif kajian yang seterusnya adalah, menganalisis jenis pemasaran pameran yang dijalankan terhadap koleksi di Muzium Diraja Negeri Kedah. Melalui kaedah yang pertama adalah melalui pameran bergerak. Pameran secara bergerak ini telah memudahkan orang ramai untuk melihat koleksi yang hendak dipaparkan. Melalui program yang telah direncanakan oleh pihak muzium dengan pihak sekolah dan perkara ini telah berlaku. Selalunya pameran bergerak ini dijalankan dengan menggunakan kenderaan *van (mobile)* yang mana mereka membawa koleksi yang terpilih untuk dijadikan sebagai pameran.

5.3 Cadangan Kajian

Pada akhir-akhir ini kajian yang berkaitan dengan muzium kurang mendapat perhatian daripada Masyarakat. Ini kerana beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan menyebabkan jumlah pelawat datang ke muzium menjadi sedikit. Institusi muzium Diraja Malaysia juga terpaksa ditutup secara sepenuhnya. Jika dilihat statistik di laman web Muzium kedah jumlah yang melawat *web site* dalam seminggu juga menjadi sangat rendah. Pengkaji juga mempunyai beberapa cadangan yang perlu diutarakan supaya pameran Muzium yang diadakan ini akan meningkatkan pelawat secara atas talian.

5.3.1 Cadangan Penambahbaikan

Cadangan bagi penambahbaikan dalam projek penyelidikan ini adalah mengenai cadangan dalam membangunkan media interaktif Augmented Reality (AR) dalam Muzium Di Raja Negeri Kedah Darul Aman. Melalui penyelidikan ini, pengkaji juga berpendapat bahawa muzium ini tidak menggunakan kaedah aplikasi media interaktif Augmented Reality (AR) semasa menyampaikan maklumat pameran koleksi. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa pihak muzium perlu mempertimbangkan segala penggunaan yang lebih interaktif dalam mempamerkan koleksi ini dengan menggunakan media Augmented Reality (AR) dalam pameran koleksi.

5.3.2 Cadangan Kajian Lanjutan

Cadangan bagi kajian lanjutan ini adalah membangunkan muzium ini menjadi dua fungsi yang berbeza iaitu muzium secara maya dan muzium *reality* di mana dalam masa yang sama pengunjung dapat mengakses dan melawat muzium secara maya dan reality. Melalui cadangan kajian lanjutan ini adalah untuk memberikan atau menambahbaik kualiti penyampaian maklumat selain daripada usaha muzium untuk menarik kedatangan pengunjung ke muzium. Kewujudan pameran secara alam Maya atau *Visual Museum* sangat penting dalam mewujudkan muzium yang berjaya.

Bagi mewujudkan peluang keuntungan kedatangan pelawat adalah dengan menciptakan satu kaedah pameran di atas talian. Hal ini

kerana, kewujudan teknologi canggih pada masa kini dapat mengubah kehidupan seseorang dan persekitarannya. Dapat kita saksikan bahawa pada masa kini keadaan Malaysia yang tidak menentu dengan segala wabak Covid-19 dan virus-virus baru yang telah memasuki Malaysia menyebabkan kita sukar untuk bergerak dengan mudah. Dengan kewujudan penciptaan teknologi atau kaedah baharu di Muzium Di Raja Negeri Kedah pada masa akan datang dengan memperkenalkan pameran secara alam maya. Penggunaan secara alam maya ini bertujuan untuk memudahkan para pelawat untuk mengakses segala maklumat daripada rumah sahaja dan tidak perlu bergerak melawat ke muzium. Jika sebelum ini, kita hanya sering kali mendengar berkaitan dengan muzium maya di luar negara sahaja dan tidak disangka bahawa Malaysia juga telah memiliki perkhidmatan secara ini yang perlu digunakan secara langsung. Dengan kaedah ini para pelawat dapat mengisi masa kosong dengan aktiviti yang berfaedah untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan warisan sejarah negara.

Selain itu, kewujudan pameran ini telah diperkenal oleh beberapa negara yang mana ia memudahkan rakyat mereka meneroka daripada rumah sahaja. Inisiatif seperti ini perlu diberikan penekanan dan digunakan oleh semua orang awam di Malaysia. Menurut Rahimah Mat 18 November 2021, penggunaan kaedah ini atau pun teknik pameran secara alam maya. Melalui Kerjasama dengan Google Arts and Culture, pelbagai muzium serta galeri telah menyediakan lawatan secara alam

maya termasuk lah segala pameran-pameran yang tengah meningkat di dunia. Sebagai contohnya adalah Muzium Guggenheim, New York, Muzium Van Gogh, Amsterdam dan banyak lagi.

5.3.3 Menggunakan kaedah scan bar cod untuk mengetahui maklumat

Kod QR merupakan singkatan perkataan daripada Bahasa Inggeris iaitu *quick response* atau tindak balas cepat. Ia juga mempunyai perbezaan daripada *barcode* yang mana ia telah digunakan dalam sesuatu industri retail, farmasi dan penerbitan buku. Hal ini kerana ia senang dilakukan dan mudah diakses oleh orang awam. Menurut Amanz.my, Qr Code ini mempunyai kegunaan yang pelbagai bukan setakat menyimpan data kita sahaja. Pada hari ini, terdapat banyak acara yang telah menggunakan kemudahan ini Para peserta juga boleh menggunakan kaedah ini dengan berleluasa dan sangat mudah digunakan pada bila-bila masa.

Menurut Rahimah Mat pada 18 November 2021 beliau berpendapat bahawa ingin menggunakan kaedah ini bagi memudahkan lagi pengunjung untuk mendapatkan lagi segala keperluan maklumat. Kemudahan yang disediakan ini hanyalah dengan menyediakan Kod QR dalam masa yang terdekat disebabkan oleh pandemic Covid-19. Kaedah seperti ini lebih kepada mereka scan terhadap Kod QR yang disediakan dan mendapat maklumat mengenai muzium tersebut. Segala kemudahan ini perlu diberi penekanan terhadap Muzium. Kaedah yang

telah digunakan oleh negara lain perlu diamalkan di Malaysia supaya sama taraf dengan negara-negara maju.

Melalui pembuatan kod QR ini ia mudah untuk dilakukan. Selain itu ia mempunyai pelbagai fungsi untuk menyimpan maklumat kedatangan pelawat serta dapat mengakses waktu dan di masa kedatangan mereka. Penggunaan kaedah ini perlu diperluaskan kepada setiap organisasi. Oleh hal yang demikian, Kod QR ini telah banyak digunakan pada masa kini dan semakin memberikan manfaat kepada semua orang. Justeru itu, kita semua perlu menggunakan kaedah ini dengan betul.

5.3.4 Cadangan keusahawanan

Akhir sekali, cadangan pengkaji terhadap muzium adalah dengan memperluaskan penggunaan media interaktif Augmented Reality (AR) di dalam institusi permuziuman di samping turut menyediakan perkhidmatan tersebut. Cadangan tersebut adalah untuk membantu institusi muzium dalam usaha menambah baik pulih kualiti penyampaian maklumat dengan lebih berkesan serta sekaligus membuka ruang kepada pelajar yang mempunyai kemahiran dalam media interaktif untuk mengasah bakat dalam membangunkan media interaktif Augmented Reality (AR).

5.3.5 Cadangan pengkaji akan datang

Cadangan kepada pengkaji akan datang adalah dengan menghasilkan buku ilmiah untuk dijadikan sebagai bahan rujukan pada masa akan datang. Buku ini merupakan sebuah media pembelajaran yang sangat efektif dalam usaha para pelajar mencari bahan rujukan. Selain itu, buku ini juga telah memfokuskan kepada beberapa bahagian yang tertentu di mana ia mudah di cari dan dirujuk oleh para pelajar. Melalui pendekatan ini, pembukuan ini akan dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat akan datang dan menjadi contoh kepada generasi akan datang.

5.4 Penutup

Tuntasnya bahawa, jika kita lihat pada hari ini kejayaan sesebuah organisasi seperti muzium mestilah mempunyai kaitan dengan kewujudan sebuah pemasaran yang baik dan berjaya dalam menghaturkan strategik pemasaran. Hal ini kerana, pelan pemasaran yang dilakukan itu telah mendapat sambutan daripada masyarakat di sekitarnya. Manakala jenis promosi yang dilakukan oleh pihak muzium tidak mengenakan bayaran tiket untuk masuk ke muzium membuat para pelancong ingin melawat. Jika kita lihat pada hari cuti tahunan terdapat banyak kemasukan para pelawat dan ada juga pelawat daripada Negara Thailand yang datang melawat di Muzium Diraja Negeri Kedah. Pengkaji juga berharap bahawa institusi Muzium Diraja Negeri Kedah

boleh beroperasi seperti biasa dengan mengamalkan SOP yang sepatutnya untuk meningkat jumlah pelawat datang ke muzium.

Muzium juga merupakan suatu identiti yang mana ia berperanan besar untuk mewujudkan pembangunan dalam kalangan masyarakat serta lokasi yang strategik di mana terdapat para ilmuwan saling berkumpul dan menukarkan idea mereka sesama sendiri. Di sini juga wujudnya Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan serta Badan-badan Bukan Kerajaan. Hal ini kerana, YB. Aminuddin Omar pernah berkata, sesebuah perpustakaan itu diwujudkan kerana ingin seiring dengan penubuhan sesebuah muzium. Penubuhan muzium juga dikatakan menjadi tempat penyimpanan penulisan-penulisan hasil kajian serta rekod-rekod prasejarah dahulu kala. Hal ini jelas menunjukkan bahawa institusi ini boleh berkembang dengan pesat jika masyarakat menyedari kepentingan dan fungsi sesebuah muzium. Kebanyakan pada hari ini masyarakat kurang perhatian terhadap penubuhan dan fungsi muzium itu sendiri. Tambahan pula pandemic yang melanda pada hari ini telah menyebabkan mereka alpha dengan kewujudannya. Penyelidik berharap supaya penubuhan muzium ini sangat menitikberatkan untuk mengadakan pameran secara alam maya yang mana mereka boleh melihat segala ruangan pameran di laman web Muzium Diraja Negeri Kedah itu sendiri walau di manapun mereka berada.

RUJUKAN**ARTIKLE**

Abdul Rahman Ismail (2012). Warisan sejarah dan pelancongan; pelancongan di Malaysia I Isu-isu penyelidikan terpilih. Sintok, Malaysia: Universiti Utara Malaysia

Ahmad Farid Abd, Awang Azman Awang Pawi & Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Konsep

Muzium Baru: Analisis Kritikal Pemikiran Kolonial Terhadap Bangsa Melayu
JMS Vol. 3 Issue 1 (2020): 122-147

Baharuddin M & Nikmatul A N (2007), Perancangan pelancongan. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka pp.62

Boylan, P.J (2004). Running a museum: A Practical handbook. Paris: ICOM-International Council Of Museums

Bruce L. Berg (1998), Qualitative Research Methods for Social Science (3rd ed). Boston: Allyn and Bacon, h.255

Burn, R.B (1995). "Introduction to Research and Case Study Applications in Education' (2nd ed.). Thousand Oaks, Calif: Sage

Chua, Y.P. (2011). Kaedah dan statistic penyelidikan: kaedah penyelidikan. McGraw-Hill Education. Malaysia Journal of Social and Humanities, Volume 1, Issue 1, (page 17-24), 2016

Cheung, C.M.K. & Lee, M.K.O. (2012). What drives consumers to spread electronic word of mouth Online consumer-opinion platforms. Decision Support System, 53(1), 218-225

Cresswell, J.W. (1994). Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches. Thousand Oaks, CA: Sage

Drs. Winardi (1976), Pengantar Metodologi Research, Bandung: Penerbit Ammi, h.55

Denzin, N., & Lincoln, Y. (1994). Introduction: Entering the Field of Qualitative Research. In

N. K. Denzin, & Y.S Lincoln (Eds.), Handbook of Qualitative Research (pp.1-17). California, CA: Sage Publication, Inc.

Fink (1998), Conducting Research Literature Reviews: From Paper to Internet. Thousand Oak: Sage, h.3.

Fontana, A., & Frey, J. (1994). Interviewing: The Art of Science. In N. Denzin, & Y. Lincoln

(Eds.), Handbook of Qualitative Research (pp. 361-376). Thousand Oaks, Ca: Sage Publication, Inc.

George. E. Hein. (1998). Learning in the Museum. New York: Routledge Taylor & Francis Group. Halaman 7.

Gilmore, A. & Rentschler, R. (2002). Changes in museum management: A custodial or Marketing Emphasis. *Journal of Management Development*, 21 (10), 745-760.

Griffin, R.W. W. & Elbert, L. J. (2002). *Business* (6th ed.). New Jersey: Prentice Hall

Habibah Ahmad, Nur Farhin Zainuddin, Hamzah Jusoh, Amriah, Er Ah Choy, Sri Winarni Samsir, Hazira Azman & Mastura Mahmud (2014). Peranan media sosial Tripadvisor dalam Mempromosikan tapak warisan dunia melaka. *Malaysia Journal of Society and Space*. 10(8). 97-113.

Halewood C., & Hannam K. (2001). Viking Heritage Tourism: Authenticity And Co-Modification. *Annals of Tourism Research*. 28, 565-580

Judylyne binti Johny (2019). Kajian terhadap keberkesanan kaedah pameran koleksi dalam muzium adat istiadat istana Jahar sebagai tarikan pengunjung.

Mohd Hasrul Yushairi Johari (2010). *Satisfaction of site visit along the heritage trail in Melaka*

Mohd Said Z.A (1998), Pengurusan pemasaran, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Azmi Yusof and Miti Fateema, "Muzium Sebagai Institusi Pendidikan tidak formal dalam Pengajaran & pembelajaran subjek sejarah

- Miles, M.B. and Huberman, A.M. (1994). "Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook." 2nd ed. Thousand Oaks, Calif: Sage
- Nor Hanisah, (2012) "Pengenalan kepada Dunia Permuziuman" Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman
- Patrick J. Boylan (2004). *Running a Museum: A Practical Handbook*, Paris, Perancis: ICOM-International Council of Museum
- Pizam, Neuman & Reichel, (1978). Dimensions of tourism satisfaction with a destination area. Dalam T.H Truong, & D. Foster, D, 2006. Using HOLSAT to evaluate tourist satisfaction at destinations: The case of Australian holidaymakers in Vietnam, *Tourism Management*, 27, pp.842-855
- Powell (1994). *Survey and Repair of Traditional Buildings: A Conservation and Sustainable Approach*. Donhead Publishing Ltd., Shaftesbury.
- Sabitha Marican, "Penyelidikan Sains Sosial," 141. *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman) Mo hd Samsudin
- Timothy Ambrose (1993). *Managing New Museum: A Guide To Good*. Great Britain: H.M. Stationery Office.
- Tengku Iskandar (1998), *Kamus Dewan Edisi Baru*, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, h.783

MALAYSIA

KELANTAN

LAMAN SESAWANG

Google Maps Dilihat Pada hari Khamis 8 April 2021 melalui <https://www.google.com/maps/place/Kedah+Royal+Museum,+Alor+Setar/@6.1191912,100.3651859,17z/data=!4m5!3m4!1s0x304b44bea170c28d:0x74a174f544015fc7!8m2!3d6.1196318!4d100.3669699>

Department of Museums Malaysia pada hari Selasa 8 Jun 2021 melalui <http://www.jmm.gov.my/en/museology>

D Yuniar 2017 pada hari Selasa 8 Jun 2021 melalui <http://eprints.undip.ac.id/58884/3/BAB II.pdf>

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

GLOSARI

Muzium Diraja Negeri Kedah

Muzium Diraja Negeri Kedah pada asalnya adalah sebuah istana Sultan Kedah yang dikenali sebagai Istana Kota Setar. Manakala, bangunan ini pula dibina oleh Almarhum Sultan Muhammad Jiwa pada tahun 1736.

Koleksi Muzium

Koleksi yang dipaparkan di muzium bertujuan untuk memberikan yang terbaik kepada muzium melalui kaedah pengurusan yang baik terhadap koleks

Risalah dan brosur

Adalah medium ataupun dikenali sebagai saluran komunikasi dalam aktiviti penyampaian maklumat kepada para pengunjung.

INDEKS

F

1,68,20,23

K

Koleksi

5,6,7,8,11,13,14,16,10,21

P

Pemasaran

5,6,8,11,13,22,23,25,26

110

M

1,2,3,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,16,

18,19,20,21,23,24,25,26,27,110,111

S

Strategi

5,6,13,21,26

CARTA GANTI PROJEK PENYELIDIKAN

Tahun/ Semester	Semester Februari 2021				Semester September 2021				2022
BulanAktiviti	Mac	Apri l	May	Jun	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)									
Draf Awal									
Bab 1: Pengenalan									
Bab 2: Kajian Terdahulu									
Bab 3: Metodologi Kajian									
Penyuntingan									
Pembentangan PP 1									
Pembetulan									
Penghantaran PP 1									
Draf Awal Bab 4 dan Bab 5									
Kumpul dan Analisis Data									
Penulisan dan Semakan Laporan									
Pembentangan Laporan Akhir									
Penyediaan Naskah Berjilid									

Carta Ganti

Sumber: Kajian Lapangan 2021

LAMPIRAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

RUJ. KAMI (Our Ref) UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (4§)
TARIKH (Date) : 25 JULAI 2021

MUZIUM DIRAJA NEGERI KEDAH
MEDAN BANDAR
05100
KOTA SETAR
KEDAH

Tuan/Puan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Nor Amira Binti Sharom	C18A0592	980112095072	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUJAFKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

اونیورسیتی ملیسیا کلانتان



Kampus Bachok
Beg Berkunci (Locked Bag) No. 01,
16300 Bachok, KELANTAN, MALAYSIA

Tel : 609 779 7260
Fax : 609 779 7262

MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



UNI
MA
KELANTAN